Maksud Bekalan 1 - **PARLIMEN****B.1**Pegawai Pengawal: **KETUA PENTADBIR PARLIMEN, MALAYSIA**

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2009	2010	2009	2010
			RM	RM		
010000	URUSAN PARLIMEN	...	70,494,400	63,389,900		
		10000	40,710,000	47,628,300	<u>263</u>	<u>263</u>
		20000	27,435,400	14,157,900		
		30000	1,522,400	620,000		
		40000	816,600	973,700		
		50000	10,000	10,000		
010100	Pentadbiran Am	...	26,843,100	17,041,800		
		10000	6,599,900	7,773,700	197	197
		20000	17,899,800	7,670,000		
		30000	1,522,400	620,000		
		40000	811,000	968,100		
		50000	10,000	10,000		
010200	Pengurusan Dewan	...	43,651,300	46,348,100		
		10000	34,110,100	39,854,600	66	66
		20000	9,535,600	6,487,900		
		40000	5,600	5,600		
020000	DASAR BARU	...	0	900,000		
		10000	0	300,000		
		20000	0	600,000		
020100	Pewujudan Jawatan Baru Di Pejabat TYPDN/ TYPDR	...	0	300,000		
		10000	0	300,000		
020200	Pengambilan Pegawai dan Kakitangan Sambilan ... Di Parlimen Malaysia	...	0	600,000		
		20000	0	600,000		
030000	"ONE-OFF"	...	0	2,000,000		
		20000	0	2,000,000		
030100	Bertugas di Luar Negara	...	0	2,000,000		
		20000	0	2,000,000		
Jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus			70,494,400	66,289,900	<u>263</u>	<u>263</u>

PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

Maksud Bekalan 2



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
1,547,700	0	0	1,547,700

OBJEKTIF

Menentukan pentadbiran Majlis Raja-Raja di bawah peruntukan dalam Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan diuruskan dengan teratur.

PELANGGAN

1. Secara langsung:
 - (i) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
 - (ii) Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja; dan
 - (iii) Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri.
2. Secara tidak langsung:
 - (i) Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian-Kementerian serta Agensi-Agensi Kerajaan Pusat dan Negeri; dan
 - (ii) Pihak swasta dan orang ramai.

STRATEGI

Mempertingkatkan dan memperkemaskan tugas sebagai urus setia kepada Majlis Raja-Raja serta mengambil tindakan susulan dan memberitahu keputusan Majlis dengan cepat dan teratur. Di antara tumpuan utama adalah kepada pengurusan bayaran / perkhidmatan seperti berikut:

- (i) Elaun Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja / Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- (ii) Tambang-tambang kapal terbang (termasuk sewa kapal terbang TUDM bagi kegunaan Raja Yang Mempengerusikan Mesyuarat) daripada negeri masing-masing ke Kuala Lumpur atau ke tempat di mana Mesyuarat Majlis Raja-Raja (di luar Kuala Lumpur) diadakan;
- (iii) Tuntutan daripada Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur kerana sewa perkhidmatan kereta-kereta Kumpulan Kerajaan yang diguna oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja / Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan oleh Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja; dan
- (iv) Tuntutan bayaran balik sewa hotel untuk kediaman Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja / Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri sekiranya istana masing-masing tidak dapat digunakan.

PROGRAM 1 : PENTADBIRAN AM

Objektif - (a) Memberi khidmat sokongan dari segi pentadbiran am, pengurusan kewangan dan personel yang cekap dan berkesan kepada urus setia Majlis Raja-Raja; (b) Memberi khidmat mengumpul maklumat serta menyampaikan keputusan penetapan tarikh Awal Puasa, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Korban dengan cepat dan teratur; dan (c) Memberi khidmat dalam pengurusan pentadbiran dan pelaksanaannya supaya Mesyuarat Majlis Raja-Raja dapat diadakan dengan teratur, lancar dan sempurna.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Penyediaan baucar tuntutan/bayaran pentadbiran dan elaun Mesyuarat Majlis Raja-Raja	695	700	700
Menguruskan ketibaan dan keberangkatan balik DYMM/TYT menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja dan lain-lain urusan	223	350	350
Mesyuarat <i>Pre-Council</i> Majlis Raja-Raja	3	3	3
Mesyuarat Majlis Raja	3	4	3
Menyelaras Jawatankuasa Melihat Anak Bulan dan menyampaikan keputusan penetapan tarikh	3	3	3

Maksud Bekalan 2 - PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

B.2

Pegawai Pengawal: PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA


Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2009	2010	2009	2010
			RM	RM		

**RINGKASAN ANGGARAN PERBELANJAAN
PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA**

10000	Emolumen		487,800	486,120		
20000	Perkhidmatan dan Bekalan		1,440,200	994,560		
30000	Aset		30,000	0		
40000	Kenaan Bayaran Tetap dan Pemberian		1,000	67,020		
	JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA		1,959,000	1,547,700		
010000	PENTADBIRAN AM	1,959,000	1,547,700	
		10000	487,800	486,120	<u>13</u>	<u>13</u>
		20000	1,440,200	994,560		
		30000	30,000	0		
		40000	1,000	67,020		
	JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		1,959,000	1,547,700	<u>13</u>	<u>13</u>

JABATAN AUDIT NEGARA

Maksud Bekalan 3



Mengurus RM	Pembangunan RM	Jumlah RM	
	Cara Langsung	Pinjaman	
125,842,400	0	0	125,842,400

OBJEKTIF

Memastikan Laporan Audit yang berkualiti dan menepati masa disediakan untuk dikemukakan kepada Parlimen/Dewan Undangan Negeri. Melaksanakan aktiviti pengauditan, penyediaan laporan secara bebas dan seimbang serta memenuhi keperluan dan harapan *stakeholders* dan auditi. Menguruskan aktiviti audit dengan cekap, berkesan serta menjadi majikan contoh.

PELANGGAN

- (i) Ahli Parlimen;
- (ii) Badan-badan perundangan; dan
- (iii) Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

STRATEGI

Jabatan Audit Negara sentiasa berusaha mempertingkatkan peranannya dalam membantu Kerajaan bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan dan pentadbiran perkhidmatan awam ke arah mewujudkan akauntabiliti awam:

- (i) Pengukuhan organisasi melalui latihan;

- (ii) Pengauditan yang berkualiti, cekap, berkesan dan berhemah; dan
- (iii) Laporan Ketua Audit Negara yang berkualiti.

PROGRAM 1 : PENGURUSAN KORPORAT

Objektif – Membentuk dasar supaya matlamat dan sasaran kerja Jabatan Audit Negara dapat dicapai dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan di samping melahirkan pegawai audit yang terlatih, cekap, mahir dan berwibawa dalam menjalankan pengauditan.

Aktiviti 1 : Pengurusan

Objektif – Memberi perkhidmatan yang berkualiti dalam urusan pentadbiran, kewangan, sumber manusia, urusan peperiksaan, khidmat nasihat teknikal, merancang dan menyediakan peralatan teknologi maklumat serta mengurus projek pengkomputeran.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Urusetia mesyuarat jabatan dan Buletin JAN	21	27	27
Bil. bil/baucar diproses	7,557	7,560	7,560
Pengisian jawatan/kenaikan pangkat	611	894	873
Khidmat nasihat teknikal	38	38	40
Penyelenggaraan komputer dan sistem	1,098	1,128	1,250

Aktiviti 2 : Akademi Audit Negara

Objektif – Melaksanakan kursus/latihan kepada warga Jabatan dan agensi lain di Sektor Awam serta anggota *Supreme Audit Institutions* (SAI) di peringkat antarabangsa.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Kursus Pengauditan/Perakaunan/ICT/ Pengurusan			
a. Bil. kursus	88	88	88
b. Bil. peserta	2,640	2,640	2,640
c. Kos (RM)	990,000	990,000	990,000
Kursus Penilaian Tahap Kecekapan			
a. Bil. kursus	12	12	12
b. Bil. peserta	300	300	300
c. Kos (RM)	135,000	135,000	135,000
Kursus Antarabangsa anjuran MTCP			
a. Bil. kursus	2	2	2
b. Bil. peserta	60	60	60
c. Kos (RM)	-	-	-
Seminar/Majlis keraian			
a. Bil. kursus	6	6	6
b. Bil. peserta	2,500	2,500	2,500
c. Kos (RM)	75,000	75,000	75,000

PROGRAM 2 : PENGAUDITAN

Objektif – Menjalankan kerja-kerja pengauditan yang merangkumi Pengauditan Khas dan Penyelidikan, Pengauditan Kerajaan Persekutuan, Pengauditan Badan Berkanun Persekutuan dan Pengauditan Kerajaan Negeri.

Aktiviti 1 : Pengauditan Khas

Objektif – Menjalankan pengauditan ICT, Pengauditan air, pemeriksaan mengejut, pengauditan alam sekitar, menjalankan pengauditan prestasi berbentuk *across the board* dan bertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan terhadap manual dan garis panduan jabatan untuk tujuan mempertingkatkan pendekatan audit bagi menghasilkan pengauditan yang berkesan sesuai dengan perkembangan semasa. Bahagian ini juga adalah bertanggungjawab untuk mengumpul dan menganalisis maklumat yang perlu bagi membolehkan pihak pengurusan membuat perancangan yang berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Pengauditan Prestasi	29	21	22
Penyelidikan	88	6	5
Pemeriksaan Mengejut	-	336	336
Persidangan/Manual/Garis panduan	8	7	7
Hubungan Antarabangsa	18	18	18

Aktiviti 2 : Pengauditan Akaun Kerajaan Persekutuan

Objektif - Mengaudit Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan dan pengurusan kewangan Kementerian/jabatan. Agensi Kerajaan Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Aktiviti ini melibatkan pengauditan kewangan, pengauditan tempatan/pematuhan/pengurusan kewangan dan kajian prestasi terhadap aktiviti, program dan projek-projek Kerajaan Persekutuan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Mengaudit dan mengesahkan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan			
a. Bil. baucar yang diaudit	54,171	55,000	56,000
b. Bil. penyata pemungut yang diaudit	8,051	9,000	10,000
c. Bil. baucar jurnal yang diaudit	21,969	22,000	23,000
d. Bil. pemerhatian audit interim dan muktamad	658	600	600
e. Laporan Audit Penyata Akaun Awam	1	1	1
f. Sijil Audit Penyata Akaun Awam	1	1	1
g. Pemerhatian pengauditan panjar luar negara	58	58	58
Mengaudit Aktiviti/Projek/Program Kementerian/Jabatan/Agensi			
a. Bil. projek yang diaudit/pemerhatian audit	62	89	93
b. <i>Entrance</i> dan <i>exit meeting</i>	62	89	93
c. Laporan Ketua Audit	1	1	1

Pengauditan Pematuhan

a. Auditan Pengurusan Kewangan	76	74	67
b. Auditan Kewangan/Kumpulan Wang Amanah	313	350	350
c. Pengauditan Pengurusan Kewangan untuk Pengesahan JUSA	59	49	49
d. Penampilan Audit	83	113	100

Aktiviti 3 : Pengauditan Akaun Badan Berkanun Persekutuan

Objektif - Mengaudit 119 Akaun Badan Berkanun Persekutuan dan 11 Kumpulan Wang Persekutuan dan melaporkan kepada Parlimen tentang Akaun Badan Berkanun Persekutuan dan Kumpulan Wang Persekutuan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. penyata kewangan disahkan/diaudit	134	144	155
Bil. penyata kewangan diaudit oleh FAS dan disemak semula	96	100	105
Bil. laporan pengauditan prestasi/aktiviti/pengurusan kewangan/syarikat subsidiari	56	64	72
Penyediaan Laporan Ketua Audit	2	2	2
Penampilan Audit	100	100	100

Aktiviti 4 : Pengauditan Akaun Kerajaan Negeri

Objektif – Mengaudit dan menyediakan 13 Laporan Audit Akaun Kerajaan Negeri: (a) Mengaudit 139 Akaun Badan Berkanun Negeri, Pengurusan Agensi dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri dan melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri tentang akaun Badan-badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam; dan (b) Memperakui 144 Akaun Pihak Berkuasa Tempatan dan melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri tentang Akaun Pihak Berkuasa Tempatan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri			
(a) Kerajaan Negeri	13	13	13
(b) Badan Berkanun Negeri	143	143	143
(c) Majlis Agama Islam	15	15	15
(d) Pihak Berkuasa Tempatan	144	144	144
Laporan pengauditan prestasi 13 buah negeri dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara mengenai aktiviti dan Kajian Khas			
Bil. kajian yang dijalankan	91	106	106
Penarafan prestasi pengurusan kewangan Kementerian/jabatan/agensi negeri bagi 13 buah negeri melalui Indeks Akauntabiliti			
Bil. pengauditan Indeks Akauntabiliti	115	184	201

**Laporan pengauditan anak syarikat
kerajaan negeri dan agensi negeri yang
dilaporkan dalam Laporan Ketua
Audit Negara**

Bil. pengauditan terhadap anak syarikat Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri yang dijalankan	15	50	50
---	----	----	----

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2010

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Peruntukan Asal Tahun 2009 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2010 RM</i>
10000	Emolumen	84,091,700	86,907,800
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	53,534,000	38,832,600
30000	Aset	13,100,000	0
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	80,000	82,000
50000	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	20,000	20,000
		<hr/>	<hr/>
	JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS JABATAN AUDIT NEGARA	150,825,700	125,842,400

Maksud Bekalan 3 - JABATAN AUDIT NEGARA


B. 3

Pegawai Pengawal : KETUA AUDIT NEGARA

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2009	2010	2009	2010
			RM	RM		
010000	PENGURUSAN KORPORAT	...	80,922,800	36,160,900		
		10000	28,034,400	8,505,600	<u>247</u>	<u>247</u>
		20000	39,688,400	27,553,300		
		30000	13,100,000	0		
		40000	80,000	82,000		
		50000	20,000	20,000		
010100	Pengurusan	...	73,854,100	29,263,300	195	195
		10000	25,796,700	6,569,700		
		20000	34,857,400	22,593,600		
		30000	13,100,000	0		
		40000	80,000	80,000		
		50000	20,000	20,000		
010200	Akademi Audit Negara	...	7,068,700	6,897,600	52	52
		10000	2,237,700	1,935,900		
		20000	4,831,000	4,959,700		
		40000	0	2,000		
020000	PENGAUDITAN	...	69,902,900	89,481,500		
		10000	56,057,300	78,402,200	<u>1,854</u>	<u>1,854</u>
		20000	13,845,600	11,079,300		
020100	Pengauditan Khas	...	1,772,800	4,441,300	64	64
		10000	1,230,800	3,736,300		
		20000	542,000	705,000		
020200	Pengauditan Akaun Kerajaan Persekutuan	...	15,921,200	20,940,200	429	429
		10000	13,752,300	19,265,300		
		20000	2,168,900	1,674,900		
020300	Pengauditan Akaun Badan Berkanun Persekutuan	...	8,259,200	9,711,900	184	184
		10000	5,756,000	8,085,700		
		20000	2,503,200	1,626,200		
020400	Pengauditan Akaun Kerajaan Negeri	...	43,949,700	54,388,100	1,177	1,177
		10000	35,318,200	47,314,900		
		20000	8,631,500	7,073,200		
040000	"ONE-OFF"	...	0	200,000		
040100	Bertugas Di Luar Negara	20000	0	200,000		
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS			150,825,700	125,842,400	<u>2,101</u>	<u>2,101</u>

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

Maksud Bekalan 4



Mengurus RM	Pembangunan RM	Jumlah RM
34,796,300	Cara Langsung Pinjaman 0 0	34,796,300

OBJEKTIF

Merancang dan mengendalikan sistem pilihan raya dengan adil, cekap dan telus bagi memelihara dan mengekalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia.

PELANGGAN

Parlimen dan rakyat Malaysia.

STRATEGI

- (i) Menjalankan gerakan pendaftaran pemilihan secara bersepadu untuk mendaftar warganegara yang telah layak sebagai pemilih bagi menyediakan daftar pemilih yang kemas kini, bersih dan lengkap;
- (ii) Mengadakan kempen dan publisiti besar-besaran untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap tanggungjawab mereka untuk mendaftar sebagai pemilih dan keluar mengundi apabila pilihan raya umum atau pilihan raya kecil diadakan;
- (iii) Mengkaji semula perjalanan pilihan raya agar dapat dikendalikan dengan lebih mudah, cekap dan licin;

- (iv) Mengkaji semula peralatan pilihan raya, borang pilihan raya, proses pendaftaran pemilih, filem latihan pendaftaran pemilih dan perjalanan pilihan raya bagi mengurangkan kos dan melicinkan lagi proses perjalanan pilihan raya; dan
- (v) Merancang dan mengadakan program latihan dan kursus bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan pegawai dan kakitangan, serta jentera pilihan raya bagi memastikan urusan pilihan raya berjalan dengan lancar dan cekap.

PROGRAM 1 : URUSAN PILIHAN RAYA

Objektif - Merancang dan seterusnya mengendalikan pilihan raya yang adil, cekap dan telus bagi memelihara dan mengekalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia.

Aktiviti 1 : Pengurusan

Objektif - Menyedia dan memberi khidmat sokongan dari segi pengurusan personel, kewangan dan bekalan yang mencukupi bagi memastikan dasar dan keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. pesanan tempatan dikeluarkan	549	500	1,000
Bil. tuntutan perjalanan diproses	851	900	900
Bil. bil/invois dibayar	627	600	700
Bil. perubahan gaji disediakan	518	400	400
Bil. baucar bayaran disediakan	1,449	900	1,000

Aktiviti 2 : Operasi

Objektif - Melaksanakan perjalanan Pilihan Raya Umum dan Pilihan Raya Kecil, serta mendaftar, menyemak, menyedia dan mengeluarkan senarai daftar yang kemas kini dan bersih. Mengkaji semula dan mencadangkan pindaan Undang-undang, Akta-akta, Peraturan Pendaftaran Pemilih dan Peraturan Pilihan Raya dari masa ke semasa.

PRESTASI AKTIVITI

Output 200	8 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Jumlah Pemilih Berdaftar	10,983,917	11,000,000	11,100,000
Pilihan Raya Umum:			
Parlimen	222	-	-
Dewan Undangan Negeri	505	-	71
Pilihan Raya Kecil	1	10	10

CARTA PERBELANJAAN SEBENAR (2006 – 2008) DAN PERUNTUKAN (2009 – 2010) BAGI MENGURUS

Aktiviti 3 : Teknologi Maklumat

Objektif - (a) Menyediakan aplikasi-aplikasi berkomputer kepada SPR; (b) Menyedia, memelihara dan memperkemas sistem pangkalan data SPR terutama sekali Daftar Pemilih; (c) Menyedia dan sentiasa menyelenggara peralatan dan perisian komputer keseluruhannya dan sistem rangkaian SPR (SPRINTRA) agar sentiasa di dalam keadaan baik dan boleh digunakan sepanjang masa; dan (d) Menyedia dan mengurus laman web dan laman intranet SPR agar sentiasa berfungsi, kemas kini dan menepati kehendak jabatan dan pengguna.

PRESTASI AKTIVITI

Output 200	8 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Aplikasi yang diselenggarakan (%)	100	100	100
Aplikasi baru (%)	95	100	100
Percetakan Daftar Pemilih (%)	100	100	100
Penyediaan CD (%)	100	100	100
Kemas kini Laman Web (%)	98	100	100

Aktiviti 4 : Pejabat Pilihan Raya Negeri

Objektif - Memelihara, mengawasi dan mengekalkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen di Malaysia menerusi pilihan raya yang adil dan saksama.

PRESTASI AKTIVITI

Output 200	8 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Daftar Pemilih Induk :	10,983,917	11,000,000	11,100,000
Perlis	120,517	121,000	122,000
Kedah	872,209	873,000	877,000
Kelantan	758,170	759,000	764,000
Terengganu	521,892	522,000	527,000
Pulau Pinang	710,216	711,000	717,000
Perak	1,199,316	1,202,000	1,212,000
Pahang	607,257	608,300	618,000
Selangor	1,584,398	1,587,000	1,600,000
W.P. Kuala Lumpur	689,317	690,500	700,000
W.P. Putrajaya	6,809	7,000	8,000
Negeri Sembilan	463,688	464,700	468,000
Melaka	372,609	373,000	376,000
Johor	1,319,734	1,321,000	1,330,000
W.P. Labuan	21,045	21,500	23,000
Sabah	813,757	814,000	824,000
Sarawak	922,983	925,000	934,000

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2010

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Peruntukan Asal Tahun 2009 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2010 RM</i>
10000	Emolumen	18,442,100	19,471,500
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	19,809,800	15,324,800
30000	Aset	1,114,000	0
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	10,000	0
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS SURUHANJAYA PILIHAN RAYA		<hr/> 39,375,900 <hr/>	<hr/> 34,796,300 <hr/>

Maksud Bekalan 4 - SURUHANJAYA PILIHAN RAYA


B.4

Pegawai Pengawal: SETIAUSAHA, SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2009 RM	2010 RM	2009	2010
010000	URUSAN PILIHAN RAYA	...	39,375,900	34,796,300		
		10000	18,442,100	19,471,500	<u>587</u>	<u>587</u>
		20000	19,809,800	15,324,800		
		30000	1,114,000	0		
		40000	10,000	0		
010100	Pengurusan	...	13,475,700	10,701,200		
		10000	3,618,900	3,608,200	97	97
		20000	9,702,800	7,093,000		
		30000	150,000	0		
		40000	4,000	0		
010200	Operasi	...	4,810,700	3,041,600		
		10000	2,322,000	2,061,300	75	75
		20000	2,486,700	980,300		
		40000	2,000	0		
010300	Teknologi Maklumat	...	3,187,400	4,326,200		
		10000	1,890,100	2,057,400	54	54
		20000	1,295,300	2,268,800		
		40000	2,000	0		
010400	Pejabat Pilihan Raya Negeri	...	17,902,100	16,727,300		
		10000	10,611,100	11,744,600	361	361
		20000	6,325,000	4,982,700		
		30000	964,000	0		
		40000	2,000	0		
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS			39,375,900	34,796,300	<u>587</u>	<u>587</u>

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Maksud Bekalan 5



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
44,017,300	0	0	44,017,300

OBJEKTIF

Memenuhi keperluan kakitangan Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Perkhidmatan-perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya dengan pantas dan teratur serta menentukan segala urusan mengenai perkhidmatan dan kawalan tatatertib berjalan dengan cepat, kemas dan mematuhi peraturan dan pertimbangan yang adil dan bijaksana.

PELANGGAN

- (i) Semua agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan;
- (ii) Kerajaan Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Melaka dan Perlis;
- (iii) Anggota Perkhidmatan Awam; dan
- (iv) Orang ramai.

STRATEGI

- i) Merancang untuk menggunakan peruntukan yang diluluskan dengan optimum agar program yang telah dirancang dapat dilaksanakan sepenuhnya. Peruntukan yang diluluskan akan digunakan untuk melaksanakan program dan

aktiviti yang telah diatur untuk mempertingkatkan prestasi, produktiviti dan kepuasan pelanggan;

- ii) Tiga program utama yang akan diberi tumpuan khusus ialah pembangunan dan penambahbaikan sistem kerja, pembudayaan teknologi maklumat dan pembangunan sumber manusia;
- iii) Usaha mendapat saiz yang tepat (*right sizing*) dari segi jumlah anggota dan peralatan akan diteruskan di mana tumpuan diberi kepada usaha meningkatkan pelaksanaan kerja secara automasi dan mengoptimumkan guna tenaga yang ada;
- iv) Menjadikan SPA sebagai salah satu badan kerajaan bertaraf antarabangsa, maka adalah penting untuk memastikan bahawa kakitangan-kakitangan SPA mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang tinggi. Membuka peluang menghadiri kursus-kursus di luar negara adalah salah satu strategi untuk meningkatkan kemahiran kakitangan SPA dalam melakukan kerja seharian; dan
- v) Melahirkan generasi pekerja berilmu (*k-worker*) menjadi agenda utama Suruhanjaya dengan memperluaskan program berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bukan sahaja kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional malah Kumpulan Sokongan.

PROGRAM 1 : URUSAN PERSONEL DAN PERKHIDMATAN AWAM

Objektif - Menentukan dan memastikan semua urusan berkaitan tugas dan tanggungjawab Suruhanjaya iaitu pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam jawatan tetap dan jawatan berpenyen, kenaikan pangkat, pertukaran dan kawalan tatatertib dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Aktiviti 1 : Pejabat Setiausaha

Objektif – Memastikan Urus Setia Suruhanjaya menjalankan fungsi-fungsinya sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dengan cekap dan berkesan untuk memuaskan hati pelanggan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2 (008 Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. Hari Bersama Pelanggan diadakan	11	7	7
Bil. taklimat/pameran kerjaya diadakan	7	5	5
Bil. lawatan dari Agensi Dalam/ Luar Negeri	6	3	3
Bil. aduan pelanggan melalui e-mel, telefon dan surat	47	55	55

Aktiviti 2 : Bahagian Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan

Objektif - Memastikan semua urusan yang berkaitan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan dan Perundangan Malaysia berjalan lancar sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Perkara 138(1) Perlembagaan Persekutuan yang meliputi seluruh Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2 (008 Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. penyediaan kertas mesyuarat	3 kertas	2 kertas	4 kertas
Bil. penyediaan surat tawaran lantikan	1 kali	2 kali	4 kali
Bil. pengesahan lantikan	79 pegawai	75 pegawai	80 pegawai
Bil. pinjaman/pelepasan peminjaman/pelanjutan tempoh pelepasan peminjaman	7 kertas	10 kertas	10 kertas
Bil. penyediaan kertas pertimbangan Jemaah Pegawai (Peguam Cara Negara dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan	7 kertas	20 kertas	20 kertas

Aktiviti 3 : Urus Setia Mesyuarat Suruhanjaya

Objektif - Memastikan khidmat sokongan diberi kepada Suruhanjaya dalam Mesyuarat Suruhanjaya dan memastikan hal-hal berkaitan dengan ahli-ahli Suruhanjaya serta menyelaras fungsi bahagian seperti pengendali mesyuarat, merancang dan menyelia secara keseluruhannya bagi kerja yang memerlukan penyelarasan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2 (008 Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. mesyuarat suruhanjaya	41	52	52
Bil. mesyuarat khas	2	4	4
Bil. persidangan SPA	1	1	1
Bil. Mesyuarat Lembaga Rayuan Tata tertib	41	52	52
Bil. Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat	39	52	52

Aktiviti 4 : Bahagian Pengurusan

Objektif – (a) Memberi khidmat sokongan dari segi pentadbiran am, pengurusan kewangan dan pengurusan personel yang cekap dan berkesan diberi kepada semua bahagian di Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan ahli-ahli Suruhanjaya.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2 (008 Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. baucar bayaran disediakan	6,731	8,500	8,500
Bil. pendahuluan diri disediakan	215	220	220
Bil. latihan/ kursus yang dibuat	49	51	51
Bil. mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun	4	4	4
Bil. perhimpunan bulanan jabatan	11	12	12

Aktiviti 5 : Bahagian Dasar dan Perancangan

Objektif - Memastikan perancangan dan strategi SPA berjaya dilaksanakan di samping menjalankan penyelidikan bagi pembangunan 'core business' SPA iaitu urusan pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib serta merancang program dan aktiviti yang boleh meningkatkan keberkesanan fungsi SPA seperti pembangunan program baru yang memanfaatkan kemudahan IT.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2 (008 Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. penyediaan kertas kerja	18	Berterusan	Berterusan

Aktiviti 6 : Urus Setia Cawangan Sarawak

Objektif - Menyediakan infrastruktur serta melaksanakan urusan pengambilan serta lantikan pelatih separa perubatan, urusan perkhidmatan pegawai yang telah dilantik berkhidmat, melaksanakan urusan Peperiksaan Perkhidmatan (Peperiksaan JPA) dan Peperiksaan Memasuki Perkhidmatan Awam (Peperiksaan SPA), serta memberi khidmat sokongan pentadbiran am, kewangan dan pengurusan personel untuk Urus Setia SPA Cawangan Sarawak.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2 (008 Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. surat tawaran latihan	1,018	1,100	1,100
Bil. surat lantikan tamat latihan	657	700	700
Bil. pelbagai urusan perkhidmatan yang dilaksanakan	1,106	1,900	1,900
Bil. calon didaftarkan untuk menduduki peperiksaan (SPA dan JPA)	19,346	20,000	20,000
Bil. baucar disediakan	1,537	1,550	1,600

Aktiviti 7 : Urus Setia Cawangan Sabah

Objektif - Menyediakan infrastruktur dan melaksanakan urusan pengambilan serta lantikan pelatih Separa Perubatan, urusan perkhidmatan anggota-anggota Perkhidmatan Awam, pengendalian peperiksaan Perkhidmatan Awam Malaysia (Peperiksaan JPA) dan Ujian Khas Memasuki Perkhidmatan Awam (Peperiksaan SPA) serta memberi khidmat sokongan pentadbiran am, kewangan dan pengurusan personel untuk Urus Setia SPA Cawangan Sabah.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2 (008 Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. pengambilan pelatih separa perubatan	875	1,700	1,785
Bil. pelantikan tetap pelatih separa perubatan	458	500	600
Bil. pengesahan lantikan, pemberian taraf berpencen	1,572	1,045	1,045
Bil. urusan peperiksaan yang dianjurkan (SPA dan JPA)	145	96	56

Aktiviti 8 : Pejabat Timbalan Setiausaha (Pengambilan)

Objektif – (a) Menyediakan infrastruktur dan membantu memberi khidmat sokongan kepada Suruhanjaya dalam menjalankan urusan pengambilan dan lantikan ke Perkhidmatan Awam supaya ia berjalan dengan kemas, teratur dan pantas, serta memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan; (b) Bahagian Pengambilan Khas bertanggungjawab untuk mendaftarkan permohonan jawatan, menguruskan pemilihan dan pelantikan pelatih-pelatih Separa Perubatan dan menguruskan pelantikan Kumpulan Sokongan II di pelbagai Kementerian dan Jabatan mengikut piagam pelanggan yang telah ditetapkan; (c) Memastikan pengurusan Peperiksaan Khas cekap, berkesan dan teratur untuk mencapai satu tahap ujian yang bermutu bagi memenuhi syarat-syarat pelantikan ke Perkhidmatan Awam sebagaimana yang ditetapkan di dalam skim-skim perkhidmatan yang berkenaan; dan (d) Membantu mempertingkatkan kecekapan urusan Suruhanjaya melalui penggunaan Teknologi Maklumat seperti mereka bentuk, membangun sistem-sistem baru SPA dan menyelenggara Sistem Aplikasi Pengambilan (e-SMSM), Sistem Pengambilan Kontrak (SLK), Sistem Pengurusan Borang (SPBO), Sistem Pengesanan Surat (SPS), Sistem Peraturan Elektronik (SPE), Sistem Perundangan SPA (SPASPA) dan Sistem Permohonan Melalui Internet dan Laman Web SPA serta menyediakan laporan-laporan yang kemas kini, tepat dan mengikut jadual bagi membolehkan pengurusan SPA membuat keputusan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2 (008 Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. permohonan jawatan secara <i>online</i>	996,791	1,050,000	1,100,000
Bil. pengeluaran surat panggilan temu duga	296,961	311,800	327,400
Bil. pengambilan pelajar tahun akhir bagi jawatan Perubatan Pergigian dan Farmasi	1,689	2,590	2,700
Bil. aplikasi yang di selenggara	11	8	10
Bil. urusan peperiksaan bertulis/peperiksaan fizikal	46	58	55

Aktiviti 9 : Pejabat Timbalan Setiausaha (Perkhidmatan)

Objektif – (a) Memastikan setiap Kementerian/Jabatan kurang melakukan kesilapan semasa mengemukakan dokumen tata tertib, rayuan tata tertib dan urusan rayuan kenaikan pangkat dan memastikan Lembaga Tata tertib Jabatan mengambil tindakan tata tertib terhadap pegawai yang melanggar tata kelakuan mengikut peraturan-peraturan yang berkaitan supaya tidak berlaku kesilapan teknikal yang serius; dan (b) Memberi khidmat sokongan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya berkaitan urusan-urusan perkhidmatan anggota perkhidmatan awam di bawah bidang kuasanya dengan adil, saksama dan teratur berdasarkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008	2009	2010
(Sebenar)	(Anggaran)	(Anggaran)
Bil. pengesahan pelantikan	30,779	30,000	38,558
Bil. pengesahan dalam perkhidmatan	22,940	23,800	25,000
Bil. pemberian taraf berpencen	15,938	34,800	35,000
Bil. urusan rayuan kenaikan tata tertib	260	200	200
Bil. kes tata tertib/tahan kerja/gantung kerja dan rayuan tata tertib	15	17	17

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2010

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Peruntukan Asal Tahun 2009 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2010 RM</i>
10000	Emolumen	17,297,400	17,211,900
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	29,756,500	26,794,900
30000	Aset	3,196,300	0
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	10,500	10,500
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM		<hr/> 50,260,700 <hr/>	<hr/> 44,017,300 <hr/>

Maksud Bekalan 5 - SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
 Pegawai Pengawal : SETIAUSAHA, SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

B. 5

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2009	2010	2009	2010
			RM	RM		
010000 URUSAN PERSONEL DAN PERKHIDMATAN AWAM	50,260,700	44,017,300		
		10000	17,297,400	17,211,900	<u>536</u>	<u>536</u>
		20000	29,756,500	26,794,900		
		30000	3,196,300	0		
		40000	10,500	10,500		
010100	Pejabat Setiausaha	...	372,400	541,400		
		10000	372,400	541,400	11	11
010200	Bahagian Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	...	186,000	200,900		
		10000	167,100	185,900	6	6
		20000	18,900	15,000		
010300	Urus Setia Mesyuarat Suruhanjaya	...	281,300	256,300		
		10000	247,800	236,300	8	8
		20000	33,500	20,000		
010400	Bahagian Pengurusan	...	27,597,700	18,422,500		
		10000	6,906,700	2,363,400	72	72
		20000	18,934,200	16,048,600		
		30000	1,746,300	0		
		40000	10,500	10,500		
010500	Bahagian Dasar dan Perancangan	...	204,900	334,700		
		10000	175,900	314,700	6	6
		20000	29,000	20,000		
010600	Urus Setia Cawangan Sarawak	...	2,699,900	2,008,000		
		10000	950,500	1,017,200	34	34
		20000	1,449,400	990,800		
		30000	300,000	0		
010700	Urus Setia Cawangan Sabah	...	2,079,300	1,807,600		
		10000	931,000	1,052,100	33	33
		20000	948,300	755,500		
		30000	200,000	0		
010800	Pejabat Timbalan Setiausaha (Pengambilan)	...	14,363,000	17,213,800		
		10000	5,146,000	8,328,800	266	266
		20000	8,267,000	8,885,000		
		30000	950,000	0		
010900	Pejabat Timbalan Setiausaha (Perkhidmatan)	...	2,476,200	3,232,100		
		10000	2,400,000	3,172,100	100	100
		20000	76,200	60,000		
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS			50,260,700	44,017,300	<u>536</u>	<u>536</u>

JABATAN PERDANA MENTERI

Maksud Bekalan/Pembangunan 6



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
3,955,945,800	8,114,016,000	123,928,000	12,193,889,800

OBJEKTIF

Menentukan segala urusan pentadbiran, kewangan, pengurusan sumber manusia, istiadat dan selenggaraan dilaksanakan mengikut peraturan dan arahan dari masa ke semasa demi untuk melicinkan pentadbiran negara.

PELANGGAN

- (i) SPB Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong;
- (ii) DYMM Sultan dan Raja Negeri-negeri;
- (iii) Ketua Hakim Negara dan Hakim-hakim;
- (iv) Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan Anggota Pentadbiran di Jabatan Perdana Menteri;
- (v) Bekas SPB Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong;
- (vi) Bekas Perdana Menteri;
- (vii) Kementerian dan Jabatan Persekutuan;
- (viii) Kerajaan Negeri-negeri;

- (ix) Badan-badan berkanun;
- (x) Ahli Parlimen;
- (xi) Tetamu Luar Negara;
- (xii) Pegawai dan Kakitangan Kerajaan; dan
- (xiii) Orang Awam.

STRATEGI

Program ini mengamalkan budaya berjimat cermat di samping mempertingkatkan keupayaan dan penghasilan kerja yang tinggi dengan tenaga kerja yang sederhana. Program ini juga melaksanakan aktiviti selaras dengan objektif disamping meneruskan perkhidmatan sokongan.

PROGRAM 1 : PENTADBIRAN

Objektif – Memberi perkhidmatan sokongan termasuk pentadbiran, kewangan, pengurusan sumber manusia, keselamatan, sosial dan lain-lain kepada warga Jabatan Perdana Menteri dengan cekap dan berkesan, mengikut peraturan dan arahan yang telah ditetapkan.

Aktiviti 1 : Pengurusan Perkhidmatan dan Sumber Manusia

Objektif – Menentukan pengurusan sumber manusia, kewangan, pembangunan, perakaunan dan khidmat pengurusan dilaksanakan mengikut dasar, perundangan/peraturan dan garis panduan semasa.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. aktiviti khidmat pengurusan	266	116	300
Bil. aktiviti kewangan dan pembangunan	34	34	34
Bil. aktiviti pengurusan sumber manusia	990	1,040	1,040
Bil. aktiviti bahagian akaun	1,815	1,815	1,815
Bil. aktiviti audit dalam	28	92	92

Aktiviti 2 : Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan

Objektif – (a) Memberi khidmat keurusetiaan yang cekap dan berkesan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri, Mesyuarat Khas Jemaah Menteri, Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dan Mesyuarat-mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara; dan (b) Memastikan urusan dan hal ehwal persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi Jabatan Perdana Menteri mengenai pertanyaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Rang Undang-undang, Usul, Perbahasan, Titah DiRaja dan bajet serta urusan-urusan Kerajaan yang lain diuruskan dengan teratur.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. Mesyuarat Jemaah Menteri dan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara	79	82	82
Bil. Mesyuarat/Titah DiRaja, Takwim Parlimen, pertanyaan/jawapan Parlimen	4,700	4,000	4,400
Bil. pelantikan di bawah Undang-undang dan Perlembagaan	66	137	51
Bil. nota/kertas yang disediakan untuk pertimbangan	7	7	7

Aktiviti 3 : Lembaga Penasihat

Objektif – (a) Mempertimbangkan representasi (rayuan) orang-orang tahanan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Semakan 1972) (ISA 1960), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 (E/PO/Pc)O 1969 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), 1985 ke atas Perintah Tahanan yang dikenakan ke atas mereka; dan (b) Mengkaji kes orang-orang tahanan yang ditahan di bawah Perintah Tahanan, Penggantungan Perintah Tahanan dan juga Perintah Sekatan dari masa ke semasa mengikut kehendak sebagaimana yang terdapat di dalam ketiga-tiga undang-undang tersebut.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Akta Dadah Berbahaya (LLPK)	1,500	1,500	1,500
Akta Keselamatan Dalam Negeri	100	100	100
Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah)	1,300	1,300	1,300

Aktiviti 4 : Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan

Objektif – Menjadi pusat rujukan kepada semua isu berkenaan keselamatan perlindungan meliputi keselamatan fizikal, dokumen dan personel serta keselamatan, di samping menggubal, mengeluarkan dan menentukan dasar keselamatan perlindungan untuk dilaksanakan dengan sempurna.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. naziran keselamatan perlindungan	108	180	180
Bil. proses pengeluaran sijil tapisan keselamatan	58,209	74,100	91,000
Bil. pemeriksaan dan pengurusan sasaran penting	73	77	77
Bil. kursus/ceramah/syarahan/taklimat keselamatan perlindungan	301	355	355

Aktiviti 5 : Biro Tatanegara

Objektif – (a) Mengendalikan pelbagai kursus dan seminar pemupukan patriotisme kepada semua lapisan masyarakat termasuk anggota komuniti institusi pendidikan, belia, pekerja awam dan swasta, anggota pertubuhan serta pemimpin dan pemaju masyarakat; (b) Mewujudkan media penyampaian pendidikan kenegaraan kepada semua rakyat Malaysia melalui media elektronik dan cetak; (c) Mewujudkan kumpulan kader dan sukarelawan Biro Tatanegara di seluruh negara melalui program latihan lanjutan ‘*task force*’ dan khidmat masyarakat (*community service*); (d) Meningkatkan kualiti Program Bina Negara (PBN) melalui kegiatan penyelidikan; dan (e) Menjalankan penyelidikan mengenai keberkesanan dasar-dasar kerajaan dan kajian mengenai kerengangan antara Kerajaan dan rakyat.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. kursus Bina Negara	325	266	283
Bil. seminar Bina Negara	1,119	299	313
Bil. seminar Bina Negara Mahasiswa	262	288	302
Bil. kursus Bina Negara Mahasiswa	256	548	576
Bil. kursus Kenegaraan SSM	556	495	520

Aktiviti 6 : Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa

Objektif – Mengurus Istiadat dan Protokol Negara, Penganugerahan Darjah-darjah Kebesaran Persekutuan, Lawatan Pembesar-pembesar Negara, Persidangan Antarabangsa dan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya yang terbaik berteraskan kecemerlangan kerja yang berkualiti.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. bantuan protokol semasa lawatan rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke luar negara dan Ketua-ketua Negara Asing ke Malaysia	60	70	70
Bil. penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan	1,842	2,000	2,000
Bil. khidmat nasihat mengenai adat istiadat dan protokol di majlis rasmi kerajaan	145	160	160
Bil. khidmat nasihat dan kemudahan persidangan antarabangsa	59	70	70
Bil. pemberian kemudahan acara yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)	450	500	580

Aktiviti 7 : Sistem Maklumat Pengurusan Ketua Eksekutif (SMPKE)

Objektif – (a) Mewujudkan suasana *ICT-intensif* dengan mengadakan *knowledge base management* dalam bidang-bidang pentadbiran dan pengurusan yang akan membantu proses membuat keputusan; dan (b) Menjadikan ICT sebagai *enabler* dalam meningkatkan kualiti, produktiviti dan kecekapan pegawai dan kakitangan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Peningkatan peratus penggunaan SMPKE oleh pengguna	90	90	93
Peratusan tahap keberkesanan latihan kepada pengguna	30	40	40
Peratusan pengurangan sistem <i>down time</i>	1	1	1
Peratusan tahap kepuasan pengguna	90	90	90

PROGRAM 2 : UNIT PERANCANG EKONOMI (EPU)

Objektif – Menentukan penyelarasan dasar, strategi dan program Pembangunan Ekonomi Negara bagi jangka masa sederhana dan jangka masa panjang dirangka dengan terancang, cekap dan sempurna. UPE juga berperanan memberi nasihat dan perakuan kepada Kerajaan berhubung isu-isu pembangunan ekonomi yang mapan demi mengekalkan kemakmuran negara.

Aktiviti 1 : Perkhidmatan Korporat

Objektif – Membantu UPE, JPM mencapai objektif melalui khidmat sokongan dari segi nasihat perundangan, pentadbiran, personel, pengurusan kewangan, pengurusan sumber maklumat, ICT, keurusetiaan dan perhubungan awam dengan cekap dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008* (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. mesyuarat dasar diselaraskan	-	12	12
Peratus pengisian jawatan yang diisi	-	80	70
Bil. kursus/latihan dalaman diselaraskan	-	14	14
Bil. laporan aset alih kerajaan dikemukakan kepada JKPAK, JPM	-	4	4
Peratus perbelanjaan mengurus	-	95	95

* Perkhidmatan Korporat merupakan program/aktiviti baru. Oleh itu tiada maklumat untuk tahun 2008.

Aktiviti 2 : Perancangan Ekonomi

Objektif – (a) Membangunkan masyarakat perdagangan Bumiputera yang berdaya tahan, mapan, berdikari, berpengetahuan serta bertaraf dunia; (b) Memberi tumpuan pada sub-sektor perkhidmatan kewangan, pendidikan, pembinaan, pelancongan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan, perkhidmatan perniagaan, profesional dan industri halal; (c) Merangka dan merancang dasar, strategi dan program pembangunan secara lebih selaras bagi sektor pembuatan, enterpris kecil dan sederhana (EKS), sains dan teknologi (S&T) serta bioteknologi; (d) Memastikan perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan serta kemudahan-kemudahan awam mencukupi, efisien dan keberkesanan kos serta ianya dapat disediakan secara kompetitif; (e) Mempunyai industri ICT yang inovatif berserta infrastruktur yang lengkap yang dapat menyokong pembangunan negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan; (f) Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum menerusi peningkatan

pendapatan dan peluang pekerjaan serta menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi; (g) Merancang, mengkaji dan menganalisa isu-isu pertanian dan industri asas tani termasuk pembangunan komoditi industri, tanaman makanan, ternakan, perikanan dan pemprosesan produk berasaskan pertanian/industri asas tani; (h) Membuat analisis dan perakuan mengenai langkah-langkah pemulihan ekonomi negara, membentuk ekonomi berdaya saing dan menangani pelaburan swasta; dan (i) Merancang strategi dan dasar kerjasama antarabangsa dengan negara-negara selatan dan agensi pembangunan antarabangsa.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008* (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. Rangka Kerja Makro EPU untuk KSP RMKe-9 dan RMKe-10	-	10	10
Bil. taklimat mengenai kedudukan ekonomi semasa untuk Menteri dan Ketua-ketua Negara masing-masing	-	40	30
Bil. dokumen Rancangan Malaysia Lima Tahun/Kajian Separuh Penggal disediakan	-	1	1
Bil. Mesyuarat Majlis Ekonomi	-	144	144

* Perancangan Ekonomi merupakan program/aktiviti baru. Oleh itu tiada maklumat untuk tahun 2008.

Aktiviti 3 : Malaysian Development Institute (MDI)

Objektif – (a) Menyediakan hala tuju makro dan strategi-strategi bagi pertumbuhan dan pembangunan negara termasuk sumber pertumbuhan baru berdasarkan teras Misi Nasional; (b) Menyediakan cadangan dasar dalam menyelesaikan isu-isu sosio ekonomi dan pembangunan; dan (c) Menjadi platform yang mudah didekati bagi perbincangan dan perundingan di antara pihak Kerajaan, akademia, swasta dan NGO secara berkala serta mempertingkatkan pengukuhan jaringan dengan institusi penyelidikan (tempatan dan antarabangsa).

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008* (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. seminar <i>Economic Policy</i>	-	6	6
Bil. program penyelidikan kajian dasar dan penilaian program-program Misi Nasional	-	10	10
Bil. artikel diterbitkan	-	12	12
Bil. <i>MDI Updates</i>	-	12	12
Bil. pendaftaran penyelidik	-	200	200

* Malaysia Development Institute merupakan program/aktiviti baru. Oleh itu tiada maklumat untuk tahun 2008.

PROGRAM 3 : UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN

Objektif – Menjadi agensi pusat yang unggul dan berwibawa dalam pemantauan pelaksanaan rancangan pembangunan negara.

Aktiviti 1 : Khas

Objektif – (a) Menentukan pengurusan dan pelaksanaan tugas-tugas khas dan projek di bawah Peruntukan Khas, Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam dan Infrastruktur Asas teratur dan berkesan; dan (b) Memastikan pelaksanaan Mesyuarat Jentera Penyelarasan Pelaksanaan selaras dengan arahan No. 1/2004.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Induk <i>Industrialized Building System</i> (IBS)	3	5	6
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara	6	12	12
Bil. Mesyuarat Pengarah-pengarah ICU JPM	9	12	12
Bil. Mesyuarat Pengurusan Tinggi ICU JPM	20	20	20
Bil. Memorandum Jemaah Menteri dan Laporan Berkala Mengenai Pelaksanaan Dasar dan Keputusan Kerajaan	100	100	100

Aktiviti 2 : Pemantauan dan Penilaian

Objektif – Menjadi agensi pusat utama bagi memantau pelaksanaan dasar, strategi, program dan projek pembangunan serta menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan cekap dan berkesan supaya pelaksanaannya selaras dengan matlamat pembangunan negara.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. aktiviti pemantauan, penyelarasan dan penilaian keberkesanan pelaksanaan dasar	49	30	30
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Projek Pembangunan (JPPP)	2	12	12
Bil. ulasan Memorandum Jemaah Menteri Mengenai Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan-Badan Berkanun Persekutuan	104	102	102
Bil. kertas laporan penilaian <i>outcome</i> projek-projek RMLT oleh Kementerian, Jabatan dan agensi yang disediakan	71	56	56
Bil. khidmat nasihat teknikal dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan diberikan	171	250	250

Aktiviti 3 : Penyelarasan Dasar

Objektif – (a) Memastikan pengurusan kewangan, personel dan teknologi maklumat jabatan teratur, cekap dan berkesan selaras dengan keperluan organisasi dan memberi khidmat bantuan dan sokongan yang terbaik kepada pelanggan; dan (b) Memantau keberkesanan strategi dan objektif dasar penyusunan semula masyarakat dan dasar pengagihan kekayaan negara serta memastikan pelarasan pelaksanaan projek-projek ekonomi utama Kerajaan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. program kualiti dilaksanakan	9	13	18
Peratusan pengisian perjawatan	84.78	85	85
Bil. mengurussetia Mesyuarat Kewangan dan Perakaunan	14	22	22
Peratusan ketersediaan dan kebolehpercayaan infrastruktur dan aplikasi ICT	99	100	100
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa <i>Focus</i> <i>Group</i> Pembasmian Kemiskinan	22	24	24

PROGRAM 4 : MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)

Objektif – Memastikan penggubalan dan penyelarasan serta pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan dengan keselamatan negara serta arahan langkah-langkah keselamatan dikendalikan secara terancang, komprehensif dan bersepadu.

Aktiviti 1 : Pengurusan

Objektif – Memastikan semua Bahagian dan MKN Negeri diberi khidmat sokongan yang meliputi pengurusan kewangan dan akaun, pemprosesan e-perolehan, pengurusan sumber manusia, pembangunan sumber manusia dan pentadbiran am pejabat dijalankan secara cekap dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. baucar bayaran disediakan	7,999	8,000	9,000
Bil. pemprosesan cek/surat/slip	10,836	12,000	12,000
Bil. urusan e-Perolehan	688	1,000	1,000
Bil. pengurusan perjawatan	775	820	900
Bil. kelulusan berbelanja seminar, kursus/latihan dan mesyuarat	575	600	600

Aktiviti 2 : Gerak Saraf dan Perang Saraf

Objektif – Memastikan usaha-usaha gerak saraf dan perang saraf dilaksanakan secara terancang dan berterusan terhadap kumpulan sasaran tertentu supaya dapat mempertingkatkan penghayatan dan sokongan rakyat terhadap dasar atau program Kerajaan yang dipertikaikan supaya tidak menjejaskan ketenteraman awam, keselamatan negara atau menggugat kewibawaan Kerajaan di samping melemah dan mematahkan tentangan musuh terhadap negara selari dengan kepentingan keselamatan negara.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. berita isu-isu semasa dalam negeri	154	160	165
Bil. penyediaan kertas kerja dan laporan isu	63	70	75
Bil. taklimat/ceramah keselamatan negara	52	63	65
Bil. lawatan terhadap kumpulan sasaran	53	63	65
Bil. seminar/forum/ko-kurikulum	6	10	12

Aktiviti 3 : Urusetia Majlis Keselamatan Negara

Objektif – (a) Memastikan tahap pengurusan krisis yang cekap dan berkesan semasa darurat supaya keadaan ketenteraman awam sentiasa terjamin; (b) Merancang dan melaksana projek pembangunan sosio ekonomi di kawasan sempadan; dan (c) Menyelaras dan memantau peraturan/perundangan keselamatan secara bersepadu dan teratur.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. kertas maklum balas Jemaah Menteri mengenai Dasar MKN	182	198	198
Bil. kertas kerja, laporan dan kertas Jemaah Menteri berkaitan kemajuan projek projek KESBAN/ SEDEC/ SOSEK/ MALINDO	30	33	33
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Perisikan Negara dan Kumpulan Kerja Perisikan Negara	5	5	5
Bil. analisis laporan dan penyediaan Kertas Kerja Perisikan	64	70	70
Bil. keurusetiaan mesyuarat Hal Ehwal Keselamatan dan Pembangunan Sempadan	143	150	150

Aktiviti 4 : Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan)

Objektif – Memastikan perancangan, penempatan dan pengusiran pendatang tanpa izin di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan secara teratur dan berkesan demi menjamin kepentingan keselamatan negara.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. Operasi Nyah II (siri)	5	10	10
Bil. Operasi Nyah II Bersepadu (siri)	4	8	8
Bil. Operasi Tanduk (siri)	8	10	10
Bil. pengusiran PTI ke Negara : Operasi Cungkil (orang)	23,240	25,000	25,000

Aktiviti 5 : Keselamatan Negeri

Objektif – Memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di peringkat negeri terpelihara dari ancaman luar dan dalam negeri khususnya berkaitan isu perkauman, sosial, agama, politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan, kesihatan, penyalahgunaan dadah, bencana alam/industri, penerbitan, pendatang asing, alam sekitar dan hak asasi manusia.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri	122	180	180
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Gerakan Negeri	50	55	55
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana dan Banjir	58	60	60
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Sempadan	17	20	20
Bil. aktiviti GSPS dan penerangan/ taklimat keselamatan	969	980	980

PROGRAM 5 : JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Maksud Pembangunan 32 - KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

P.32

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Butiran (Projek)	Tajuk	Jumlah	Perbelanjaan	Anggaran	Perbelanjaan	Anggaran	Anggaran Tahun 2010	
		Anggaran	Sebenar	Bagi Tahun	Sebenar	Dipinda	Cara Langsung Pinjaman	
(1)	(2)	Harga Projek	2001-2005	2006-2010	2006-2008	2009	-8	-9
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
02000	Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan	2,056,040,000	607,048,281	1,185,624,010	597,558,989	301,511,750	286,553,000	0
03000	Kompleks Perniagaan dan Pasar	254,900,000	80,326,204	93,766,720	36,208,874	27,494,000	30,063,000	0
04000	Projek Sosial, Rekreasi dan Kemudahan Awam Kuala Lumpur	357,828,000	100,473,427	238,619,920	104,978,954	72,982,900	60,658,000	0
05000	Perbadanan Labuan	861,079,710	125,550,000	330,130,000	245,128,230	18,900,000	66,101,000	0
06000	Pembangunan Pelancongan	15,000,000	15,575,000	7,000,000	4,000,000	210,000	2,790,000	0
07000	Pusat Pentadbiran Putrajaya	6,817,469,675	4,928,624,900	1,599,865,404	1,335,662,585	0	264,202,000	0
08000	Baikpulih Sungai	540,000,000	30,808,416	127,399,350	84,282,880	19,850,960	23,265,000	0
13000	Kajian dan Perolehan	23,950,000	0	13,400,000	4,244,767	6,194,000	2,961,000	0
JUMLAH PEMBANGUNAN		10,926,267,385	5,888,406,228	3,595,805,404	2,412,065,279	447,143,610	736,593,000	0

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Maksud Bekalan 40



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
14,313,800	0	0	14,313,800

OBJEKTIF

Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dari segi Pelantikan, Urusan Perkhidmatan dan Kawalan Tatatertib dan Naik Pangkat Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan.

PELANGGAN

- (i) Kementerian Pelajaran;
- (ii) Kementerian Pengajian Tinggi;
- (iii) Jabatan Perkhidmatan Awam;
- (iv) Jabatan Pelajaran Negeri;
- (v) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan; dan
- (vi) Anggota kumpulan sokongan.

STRATEGI

1. Sistem Fail

- (i) Memanjangkan penggunaan Sistem Carian Fail ke setiap bahagian bagi memudahkan urusan pengesanan dan perekodan pergerakan fail;
- (ii) Membenarkan urusan pendaftaran fail baru untuk urusan pelantikan dilakukan oleh bahagian terlibat; dan
- (iii) Mewujudkan kaedah simpanan fail baru mengikut lokasi berbanding sistem sedia ada iaitu simpanan berdasarkan nombor urutan pendaftaran fail.

2. Sistem Pengurusan ICT dan Perolehan

Mewujudkan sistem ICT bersepadu untuk memudahkan urusan yang melibatkan pengambilan dan perkhidmatan calon.

3. HRMIS

Membuat permohonan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya pengisian bagi kekosongan jawatan KPT HRMIS diisi segera supaya pelaksanaan HRMIS dapat direalisasikan sepenuhnya dan pada masa yang sama turut memastikan supaya kakitangan yang terlibat dengan tugas-tugas HRMIS khususnya dan kesemua kakitangan SPP umumnya didedahkan dengan penggunaan HRMIS sama ada bengkel atau pun kursus.

4. Pengurusan Kewangan

- (i) Memberi pendedahan mengenai proses kerja kewangan mengikut prosedur yang betul sama ada dalam bentuk kursus atau bengkel bukan sahaja kepada kakitangan di Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia tetapi turut merangkumi keseluruhan kakitangan SPP; dan
- (ii) Menyusun semula unit kewangan dengan memohon pertambahan kakitangan dan peningkatan gred sedia ada di Unit Kewangan.

5. Pusingan Kerja

Memastikan pertukaran kakitangan yang dibuat adalah secara berperingkat berdasarkan kepada pusingan kerja dengan mengutamakan kakitangan yang telah berkhidmat lebih 8 tahun.

PROGRAM 1 : PENGURUSAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN PELAJARAN

Objektif – Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dari segi Pelantikan, Urusan Perkhidmatan dan Kawalan Tatatertib dan Naik Pangkat

Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan.

Aktiviti 1 : Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

Objektif – Memberi perkhidmatan sokongan yang meliputi Pengurusan Personel, kewangan dan perhubungan awam kepada semua warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) secara efisien dan efektif.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2008	(Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. surat yang diterima dan didaftarkan dalam sistem	6,604	6,604	10,000
Bil. urusan perkhidmatan sumber manusia	1,571	1,728	3,000
Bil. urusan perolehan dan baucar pembayaran yang disediakan	5,177	5,695	6,500
Bil. fail yang didaftarkan	11,000	12,000	15,000
Bil. kertas mesyuarat MSJ* disediakan	345	345	345

* MSJ – Mesyuarat Suruhanjaya

Aktiviti 2 : Teknologi Maklumat

Objektif – Membantu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dalam menyediakan dan menyokong prasarana teknologi maklumat serta mereka bentuk sistem-sistem aplikasi bagi menyokong fungsi-fungsi operasi dan pengurusan SPP.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2008	(Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. sistem aplikasi yang dibangunkan	2	2	2
Bil. sistem aplikasi yang diselenggarakan	9	11	11
Bil. sistem komputer yang diselenggarakan	11	11	11
Bil. kursus yang dikendalikan	6	6	7
Bil. perkakasan yang diselenggarakan	20	25	30

Aktiviti 3 : Pengambilan PPP

Objektif – Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dari segi Pelantikan, Urusan Perkhidmatan dan Kawalan Tatatertib dan Naik Pangkat Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2008	(Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. urusan memproses borang permohonan/temu duga	15,510	15,510	15,500
Bil. surat keputusan temu duga disediakan	15,000	15,000	15,000
Bil. surat tawaran pelantikan yang	16,000	16,000	16,500

disediakan			
Bil. surat pengesahan pelantikan yang dikeluarkan	16,620	16,620	16,500
Bil. surat rayuan yang diproses	3,000	3,000	3,000

Aktiviti 4 : Pengambilan AKS

Objektif – (a) Melaksanakan urusan pengambilan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) untuk Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM); dan (b) Melaksanakan urusan pengambilan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) untuk KPTM.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2008	(Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. urusan memproses borang permohonan/temu duga	32,000	32,000	33,000
Bil. surat keputusan temu duga disediakan	15,000	15,000	15,000
Bil. surat tawaran pelantikan yang disediakan	4,000	4,000	4,000
Bil. surat pengesahan pelantikan yang dikeluarkan	4,000	4,000	4,000
Bil. surat rayuan yang diproses	400	400	400

Aktiviti 5 : Naik Pangkat dan Tatatertib

Objektif – Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dari segi Pelantikan, Urusan Perkhidmatan dan Kawalan Tatatertib dan Naik Pangkat Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2008	(Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. kes tatatertib yang dikendalikan	50	50	80
Bil. kes rayuan tatatertib yang dikendalikan	80	80	100
Bil. urusan kenaikan pangkat	1	1	1
Bil. kes rayuan kenaikan pangkat	60	60	60
Bil. perbincangan dan naziran	5	5	5

Aktiviti 6 : Perkhidmatan

Objektif – Memastikan urusan perkhidmatan dilaksanakan dengan sistematik, berkualiti dan pro-aktif ke arah memaksimumkan kepuasan pelanggan bagi memastikan kecemerlangan yang berterusan di Bahagian Perkhidmatan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2008	(Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. pemprosesan urusan perkhidmatan	29,000	30,000	32,000
Bil. penyediaan Kertas Suruhanjaya dan	300	300	300

kelewatan urusan perkhidmatan			
Bil. urusan penamatan perkhidmatan, pelantikan baru/kontrak, pinjaman/pertukaran sementara, rayuan pengecualian kursus induksi, pertukaran opsyen pencen-KWSP	1,300	1,300	1,300
Bil. urusan penurunan kuasa, pemantauan dan pemurnian data urusan perkhidmatan dan sesi penerangan urusan perkhidmatan	850	850	850
Bil. urusan naziran yang dikendalikan	16	16	16

Aktiviti 7 : Urusetia Cawangan Sabah

Objektif – Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dari segi Pelantikan, Urusan Perkhidmatan dan Kawalan Tatatertib dan Naik Pangkat Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2008	(Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. borang permohonan diproses	4,500	5,000	5,500
Bil. urusan temu duga dijalankan	8	8	8
Bil. kertas Suruhanjaya yang disediakan	25	30	35
Bil. surat tawaran jawatan yang disediakan	4,000	4,000	4,000
Bil. surat pemberitahuan pelantikan yang disediakan	3,800	3,500	3,800

Aktiviti 8 : Urusetia Cawangan Sarawak

Objektif – Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dari segi Pelantikan, Urusan Perkhidmatan dan Kawalan Tatatertib dan Naik Pangkat Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2008	(Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. borang permohonan diproses	6,800	8,700	9,000
Bil. urusan temu duga dijalankan	11	13	16
Bil. kertas Suruhanjaya yang disediakan	27	35	45
Bil. surat tawaran jawatan disediakan	3,500	4,000	4,250
Bil. surat pemberitahuan pelantikan yang disediakan	3,500	3,800	4,000

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2010

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Peruntukan Asal 2009 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2010 RM</i>
10000	Emolumen	9,191,500	8,759,900
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	5,974,900	4,175,600
30000	Aset	1,730,000	0
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	8,000	1,378,300
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN		<hr/> 16,904,400 <hr/>	<hr/> 14,313,800 <hr/>

Pegawai Pengawal: SETIAUSAHA, SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran		Bil. Jawatan	
			2009 RM	2010 RM	2009	2010
010000	PENGURUSAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN					
	PELAJARAN	...	16,904,400	12,943,500		
		10000	9,191,500	8,759,900	<u>267</u>	<u>267</u>
		20000	5,974,900	4,175,600		
		30000	1,730,000	0		
		40000	8,000	8,000		
010100	Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia	...	6,683,300	4,799,900	87	87
		10000	3,027,500	2,803,200		
		20000	2,104,800	1,990,700		
		30000	1,550,000	0		
		40000	1,000	6,000		
010200	Teknologi Maklumat	...	1,122,600	476,200	10	10
		10000	429,100	397,400		
		20000	662,500	78,800		
		30000	30,000	0		
		40000	1,000	0		
010300	Pengambilan PPP	...	1,927,100	1,674,300	49	49
		10000	1,661,300	1,442,900		
		20000	245,300	231,400		
		30000	19,500	0		
		40000	1,000	0		
010400	Pengambilan AKS	...	1,350,400	1,043,400	27	27
		10000	576,200	931,200		
		20000	762,700	112,200		
		30000	10,500	0		
		40000	1,000	0		
010500	Naik Pangkat dan Tatatertib	...	593,200	489,400	11	11
		10000	467,300	407,500		
		20000	94,900	81,900		
		30000	30,000	0		
		40000	1,000	0		
010600	Perkhidmatan	...	1,799,800	1,192,600	31	31
		10000	1,093,900	1,066,200		
		20000	674,900	126,400		
		30000	30,000	0		
		40000	1,000	0		
010700	Urusetia Cawangan Sabah	...	1,555,300	1,427,300	26	26
		10000	966,100	837,000		
		20000	558,200	589,300		
		30000	30,000	0		
		40000	1,000	1,000		
010800	Urusetia Cawangan Sarawak	...	1,872,700	1,840,400	26	26
		10000	970,100	874,500		
		20000	871,600	964,900		
		30000	30,000	0		
		40000	1,000	1,000		

Maksud Bekalan 40 - SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN


B.40

Pegawai Pengawal: SETIAUSAHA, SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2009	2010	2009	2010
			RM	RM		
020000 "ONE - OFF"		0	1,370,300		
		40000	0	1,370,300		
020100	Skim Perkhidmatan Singkat	0	1,370,300		
		40000	0	1,370,300		
Jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus			16,904,400	14,313,800	<u>267</u>	<u>267</u>

KEMENTERIAN PELAJARAN

Maksud Bekalan/Pembangunan 41



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
25,521,429,700	4,997,683,000	0	30,519,112,700

OBJEKTIF

Mewujudkan satu sistem pendidikan bagi memperkembangkan sepenuhnya potensi setiap individu untuk mencapai aspirasi negara maju menjelang tahun 2020. Ke arah mencapai matlamat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia menggariskan objektif berikut:

- (i) Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu;
- (ii) Melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera;
- (iii) Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara; dan
- (iv) Memberi peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia.

PELANGGAN

- (i) Rakyat Malaysia;
- (ii) Sektor industri, perniagaan dan perkhidmatan; dan
- (iii) Institusi-intitusi dalam bidang-bidang berkaitan dengan pendidikan dan pembangunan negara.

STRATEGI

- (i) Kursus atau program peningkatan ilmu hanya terhad kepada program ikhtisas/wajib/kritikal seperti kursus perguruan, pengurusan kewangan dan akaun dan induksi serta Penilaian Tahap Kecekapan (PTK);
- (ii) Menghadkan penganjuran program-program bercorak keraian;
- (iii) Program bertugas di luar negara akan hanya dihadkan kepada menghadiri persidangan berkala yang wajib dihadiri sahaja seperti program yang melibatkan YB Menteri; dan
- (iv) Memberi tumpuan kepada penyelenggaraan secara konsisten dan berterusan bagi kesemua bangunan yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil. Tumpuan lain turut diberi kepada penyelenggaraan bangunan di Kolej Matrikulasi, Institut Perguruan (IPG) dan Pejabat Pelajaran Negeri/Daerah.

PROGRAM 1 : PENGURUSAN KEMENTERIAN

Objektif – Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kementerian melalui perancangan strategik, pembudayaan pengurusan kualiti dan produktiviti, pengemaskinian perundangan dan peraturan-peraturan serta meningkatkan imej korporat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Aktiviti 1 : Pengurusan Ibu Pejabat Kementerian

Objektif – Memberi khidmat pengurusan dan sokongan kepada Anggota Pentadbiran, Pengurusan Tertinggi KPM dan semua Jabatan/Bahagian/Agensi di bawah KPM dengan berkesan dan sempurna.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. mesyuarat yang diuruskan	62	68	68
Bil. mesyuarat Penyelarasan Keselamatan	2	2	2
Bil. proses permohonan ke luar negara secara rasmi dan persendirian	1,262	1,200	1,200

Aktiviti 2 : Pengurusan Korporat

Objektif – (a) Meningkatkan keberkesanan dan keutuhan Pengurusan Korporat KPM melalui perancangan dan pengurusan strategik serta pelaksanaan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM); (b) Mewujudkan kesefahaman (*mutual understanding*), berhubung baik dan perhubungan awam yang proaktif di KPM dengan menggunakan semua jenis saluran komunikasi terutamanya yang menyentuh aspek-aspek perkhidmatan dan pengurusan kementerian; dan (c) Memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan KPM dan pengurusan aduan yang sistematik bagi mencapai kepuasan pelanggan yang optimum.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. Buletin KPM (terbitan)	110,000	144,000	144,000
Bil. penerbitan Akhbar Sisipan	12	12	12
Bil. bengkel/kursus pelaksanaan PKPA	11	14	14
Bil. majlis/pameran/konvokesyen yang diuruskan	10	13	13

Aktiviti 3 : Pembangunan

Objektif – Bertanggungjawab membangunkan infrastruktur pendidikan yang telah dirancang dengan kos yang efektif dan menyelaraskan pelaksanaan projek-projek fizikal pendidikan di bawah KPM.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. pemantauan projek	88	88	88
Bil. laporan kemajuan fizikal dan kewangan bagi projek pembangunan	128	132	132
Bil. urusan perolehan tanah KPM dan tanah bagi semua projek pembangunan	112	112	98
Bil. pelaksanaan pembinaan projek pendidikan dengan Perbendaharaan, JPN, JKR	52	55	60

Aktiviti 4: Perolehan dan Pengurusan Aset

Objektif – (a) Merancang dan mengurus program/aktiviti perolehan bekalan dan perkhidmatan selaras dengan dasar-dasar kerajaan; (b) Menyediakan bekalan dan perkhidmatan yang mencukupi dan berkualiti bagi memenuhi keperluan institusi pendidikan; (c) Merancang dan mengurus program/aktiviti penyelenggaraan prasarana dan aset-aset kerajaan mengikut jangka masa dan piawai yang ditetapkan dengan kos yang efektif; dan (d) Memantau dan menilai program/aktiviti perolehan bekalan, perkhidmatan, penyelenggaraan prasarana dan aset.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. pemantauan/penilaian aktiviti perolehan penyelenggaraan prasarana dan aset untuk KPM	96	58	63
Bil. perolehan alat bantu mengajar mengikut zon	-	283	354
Bil. perolehan peralatan ICT mengikut zon	-	44	55
Bil. perolehan perkhidmatan mengikut zon	-	72	46
Bil. penyelenggaraan bangunan (OS 28000 & OS 32000)	4,170	4,920	5,653

Aktiviti 5 : Pengurusan Kewangan

Objektif – (a) Merancang, melaksana, mengawal dan menilai pengurusan kewangan KPM supaya ditadbir dengan cekap, teratur, berkesan dan berhemat; (b) Menentukan peruntukan kewangan disedia dan digunakan secara optimum dan efektif selaras dengan perjanjian program dan aktiviti yang ditetapkan; (c) Memastikan kuasa Pegawai Pengawal yang diperturunkan dilaksanakan mengikut peraturan dan tatacara kewangan; (d) Mengawal selia pematuhan pelaksanaan Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekeling dan Surat-surat Pekeliling kewangan yang berkuat kuasa; (e) Memastikan pelaksanaan sistem pengurusan kewangan KPM selari dengan dasar Kerajaan Elektronik dan perkembangan ICT; (f) Menentukan perancangan dan penilaian pengurusan kewangan dibuat dengan teratur dan sempurna; (g) Memastikan segala bantuan persekolahan kepada murid dan sekolah disalurkan dengan cekap, teratur dan berkesan; dan (h) Memastikan peruntukan Belanja Mengurus PTJ Kewangan diurus dengan cekap dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. waran peruntukan yang dikeluarkan	4,911	4,500	4,500
Bil. baucer yang diluluskan	3,800	3,800	3,800
Bil. permohonan pakej	8,400	9,500	8,000
Bil. pendahuluan diri/emolumen	530	500	500
Bil. PTJ yang melaksanakan e-perolehan	166	100	50

Aktiviti 6: Akaun

Objektif – (a) Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan KPM; (b) Memastikan pembayaran dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan; (c) Memastikan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (eSPKB) dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ); (d) Memastikan semua transaksi kewangan yang diperakaunkan mematuhi tatacara, arahan dan undang-undang yang berkuat kuasa melalui program audit tunai serta pemantauan dan naziran; dan (e) Memberi khidmat nasihat dan mengawal pematuhan Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan dan pekeling-pekeling berkaitan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. cek/EFT	612,950	590,000	640,000
Bil. penyata kewangan tahunan KPM	1	1	1
Bil. akaun amanah diselenggara	36	29	3
Bil. PTJ yang melaksanakan e-SPKB	264	331	331
Bil. pemantauan sekolah	120	100	200

Aktiviti 7 : Pengurusan Sumber Manusia

Objektif – (a) Memastikan KPM mempunyai struktur organisasi yang mantap dengan bilangan personel di tahap optimum untuk mencapai objektifnya melalui pewujudan/pengisian jawatan mengikut keperluan/norma yang ditetapkan; (b) Memastikan KPM mempunyai personel yang kompeten, berdisiplin, berintegriti dan bermotivasi melalui pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan; (c) Memupuk dan menerapkan nilai-nilai murni bagi meningkatkan integriti dan jati diri warga KPM ke arah melahirkan

organisasi yang harmonis; dan (d) Melahirkan warga KPM yang sejahtera dan seimbang dari segi tingkah laku, emosi dan pemikiran melalui perkhidmatan psikologi dan kaunseling.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. taklimat/bengkel/kursus	99	99	99
Bil. kursus kewangan/LDP	313	313	329
Bil. urusan perkhidmatan	25,119	25,000	25,000
Bil. kursus induksi	129	84	88
Bil. jawatan baru	35,135	15,000	15,000

Aktiviti 8 : Pembangunan dan Penilaian Kompetensi

Objektif – (a) Memastikan sistem Pengurusan PTK termasuk kaedah penilaian kompetensi pegawai dan kakitangan dapat dilaksanakan secara cekap, berintegriti dan berakauntabiliti; (b) Memastikan KPM mempunyai personel yang memiliki kompetensi yang mantap, cemerlang dan berprestasi tinggi menerusi perancangan pengurusan dan pelaksanaan penilaian tahap kecekapan yang lebih realistik; (c) Memastikan sistem pengurusan peperiksaan perkhidmatan pegawai dan kakitangan dapat dilaksanakan secara cekap, berintegriti dan berakauntabiliti; (d) Memastikan pembangunan kompetensi dibuat secara berterusan dalam konteks *Continous Profesio nal Develo pment* (CPD) menerusi penanda arasan kursus latihan yang memenuhi kehendak serta keperluan KPM; dan (e) Memastikan pelaksanaan PTK dan peperiksaan jabatan memenuhi standard piawaian dalam aspek kualiti dan keselamatan yang ditetapkan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. pengendalian peperiksaan PTK	2 sesi 429,133 calon	2 sesi 517,865 calon	2 sesi 560,000 calon
Bil. pengendalian kursus PTK	11 kohort 24,792 calon	- 10,996 calon	- 9,000 calon
Bil. pengendalian ujian khas PTK	1 sesi 14,165 calon	1 sesi 20,260 calon	1 sesi 34,000 calon
Bil. pengendalian peperiksaan perkhidmatan/ jabatan	2 sesi 11,311 calon	2 sesi 10,568 calon	2 sesi 10,600 calon
Bil. mesyuarat Pembangunan Standard Kompetensi	6	8	8

Aktiviti 9 : Psikologi dan Kaunseling

Objektif – Menyediakan dasar dan perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang jelas dan mantap dalam pengurusan sumber manusia bagi membangunkan warga KPM yang sejahtera, berintegriti dan mempunyai minda kelas pertama.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. perkhidmatan khidmat kaunseling	-	200	250
Bil. perkhidmatan khidmat runding	-	50	60
Bil. program 3P (Pencegahan, Pemulihan dan Pengembangan)	-	3	4
Bil. penyelidikan dan pembangunan	-	2	2

Aktiviti 10 : Pengurusan Tajaan dan Latihan

Objektif – (a) Menguruskan pemberian biasiswa, pinjaman dan bantuan kewangan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan pelajar dengan cekap dan adil; (b) Menguruskan kelulusan permohonan cuti belajar, cuti belajar separuh gaji dan cuti belajar tanpa gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang melanjutkan pengajian dengan cekap dan sistematik; dan (c) Menguruskan kutipan tuntutan gaji pecah kontrak perjanjian biasiswa, kutipan bayaran balik pinjaman, pelepasan dengan izin dan perpindahan kontrak perjanjian dengan cekap dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. pemberian biasiswa dan pinjaman pelajar	7,038	2,065	2,065
Bil. tawaran cuti belajar oleh PPP	3,296	3,296	3,296
Kutipan bayaran balik pinjaman pelajar dan tuntutan ganti rugi pecah kontrak	18,974,606	22,200,000	22,500,000

Aktiviti 11 : Pengurusan Maklumat

Objektif – (a) Membangun sistem aplikasi yang bersepadu bagi menyokong pengurusan maklumat KPM; (b) Menyediakan infrastruktur dan kemudahan ICT yang selamat dan dipercayai; (c) Menyediakan personel ICT yang kompeten; dan (d) Memberi khidmat nasihat teknikal ICT khusus kepada Kementerian.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. baucer pembayaran yang diproses	1,500	1,500	1,500
Bil. laporan prestasi rangkaian kementerian	10	10	10
Bil. penyelesaian masalah melalui <i>help desk</i>	3,000	3,500	3,600

Aktiviti 12 : Dasar dan Hubungan Antarabangsa

Objektif – Merancang dan menyelaraskan penglibatan Malaysia di dalam arena pendidikan antarabangsa sama ada di peringkat dua hala atau pun pelbagai hala dengan memastikan: (a) Keberkesanan penglibatan Malaysia dalam program-program dan aktiviti-aktiviti pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan serantau; (b) Peningkatan kerjasama dalam bidang pendidikan khususnya dengan negara-negara yang telah menandatangani perjanjian kerjasama; (c) Peningkatan imej dan kepimpinan negara melalui penyertaan dan sumbangan yang berkesan kepada pertubuhan-pertubuhan dan negara-negara yang berkaitan; dan (d) Keberkesanan usaha-usaha Kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan di rantau Asia Pasifik.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. lawatan kerjasama dua hala dan pelbagai hala dari luar negara	4,711	50	50
Bil. lawatan kerjasama dua hala dan pelbagai hala ke luar negara peringkat pegawai kanan	15	15	15

Bil. kerjasama/seminar/bengkel/kursus yang dianjurkan di dalam negara dengan kerjasama pertubuhan antarabangsa	90	90	90
Bil. MOU ditandatangani dengan negara luar	3	3	3
Bil. peserta Malaysia menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kursus yang dianjurkan di luar/dalam negara dengan kerjasama pertubuhan antarabangsa	2	2	2

Aktiviti 13 : Auditan

Objektif – Menjalankan pengauditan terhadap akaun sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan sekolah menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama, rekod kewangan diselenggarakan dengan teratur dan kemaskini, memastikan wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan dan melaporkan kepada pihak pengurusan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. PTJ yang diaudit	153	386	400
Bil. sijil audit yang dikeluarkan	171	171	171
Bil. laporan siasatan	13	13	13

Aktiviti 14 : Pengurusan Pendidikan Matrikulasi

Objektif – (a) Menyediakan tempat dan peluang bagi lepasan SPM atau setaraf untuk mengikuti program matrikulasi; (b) Melahirkan para lulusan matrikulasi yang berkelayakan dan mencukupi untuk mengikuti kursus/bidang profesional di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara; (c) Membina insan berakhlak mulia, berilmu, kreatif dan berketerampilan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan; (d) Melonjakkan kecemerlangan program matrikulasi selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dan misi nasional; dan (e) Meningkatkan integriti dan profesionalisme staf Program Matrikulasi.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. pelajar yang menerima wang saku	24,300	31,400	31,900
Bil. tenaga pelajar yang berkelayakan dan terlatih	1,787	1,787	1,991
Bil. aktiviti kokurikulum	55	65	68
Bil. pelajar mendapat PNGK 4.0	1,584	1,305	1,800
Bil. latihan pembangunan sumber manusia	186	244	241

PROGRAM 2 : DASAR DAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN

Objektif – Menentukan semua rakyat Malaysia layak menerima pendidikan terbaik selaras dengan dasar pendemokrasian pendidikan supaya mereka menjadi warganegara yang berpengetahuan, berdisiplin dan bertanggungjawab.

Aktiviti 1 : Pengurusan Dasar dan Pembangunan Pendidikan

Objektif – Menyediakan maklumat dan data yang tepat bagi pihak pemutus dasar merancang, mengurus dan memantau aktiviti-aktiviti perancangan, penyelidikan dan penilaian dasar pendidikan dengan cekap dan berkesan untuk menghasilkan perancangan pendidikan kebangsaan yang menyeluruh dan bersepadu.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. bengkel/seminar/kursus yang dianjurkan	5,291	5,300	5,300
Bil. penyediaan kertas kerja/kajian/cadangan/ konsep/pelan tindakan/kabinet	1,961	1,961	1,961
Bil. penerbitan prosiding/jurnal	187	187	187
Bil. pemantauan/kutipan/verifikasi data	609	609	609
Bil. penyediaan teks ucapan	995	1,000	1,000

Aktiviti 2 : Pembangunan Kurikulum

Objektif – (a) Mempertingkatkan kefahaman, pengetahuan dan kemahiran setiap jurulatih utama yang berkenaan supaya mereka dapat menyampaikan dengan jelas kehendak program-program kurikulum kepada guru-guru demi menjamin keberkesanan dan keefisienan pelaksanaan program terutama yang diinisiatifkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK); (b) Mempertingkatkan kualiti pendidikan dengan memantapkan lagi kandungan kurikulum berdasarkan sumber-sumber baru supaya sesuai dan relevan dengan hasrat dan keperluan semasa; (c) Mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui program/aktiviti sokongan kurikulum baru; (d) Mempertingkatkan kualiti pendidikan dengan membuat penambahbaikan program sedia ada berasaskan dapatan dan hasil pengesanan dan pemantauan pelaksanaan kurikulum; (e) Mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui penghasilan bahan-bahan sokongan kurikulum seperti modul atau garis panduan yang relevan dan berkesan; dan (f) Mempertingkatkan kualiti pendidikan berdasarkan data emperikal (*emperical data*) dan maklumat yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti penyelidikan dan penilaian kurikulum.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran dihasilkan	21	10	21
Bil. peserta kursus bagi penyebaran kurikulum	3,250	2,500	19,326
Bil. laporan penghasilan pelaksanaan kurikulum	25	15	63
Bil. penghasilan bahan sokongan kurikulum	45	38	78
Bil. penyelidikan dan penilaian kurikulum	18	15	34

Aktiviti 3 : Pengurusan Teknologi Pendidikan

Objektif – (a) Memberi khidmat bantu kepada murid dan guru dalam penggunaan teknologi pendidikan; (b) Mencari pendekatan baru mengintegrasikan teknologi dalam pengurusan sekolah, pengajaran dan pembelajaran agar mempertingkatkan kualiti pendidikan; (c) Membangun dan menambah baik bahan sumber pendidikan dalam memastikan guru dan

murid mengakses bahan sumber berkualiti dengan cepat; (d) Mempertingkatkan kualiti pendidikan dengan membuat penambahbaikan program sedia ada berasaskan dapatan dan hasil pengesanan dan pemantauan pelaksanaan kurikulum; (e) Menyebarkan bahan sumber pendidikan melalui pelbagai medium agar diakses oleh semua warga pendidikan; (f) Meningkatkan kecekapan pengurusan pusat sumber sekolah berasaskan teknologi bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran; (g) Mempromosikan penggunaan bahan sumber pendidikan secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran; dan (h) Menganjurkan program pengiktirafan ke atas aktiviti teknologi pendidikan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. kajian berkaitan peranan teknologi pendidikan dan media dalam proses P&P	2,667	59	59
Bil. perancangan, penyediaan dan penerbitan bahan P&P dalam pelbagai media	1,003	1,377	1,377
Bil. latihan/khidmat bantu/promosi bagi menggalakkan penggunaan teknologi pendidikan dan media	2,924	8,198	8,198
Bil. pemantauan/penyelarasan/penilaian pelaksanaan program Sekolah Bestari dan Pembestarian Sekolah	4,003	6,088	6,088
Bil. perkhidmatan meja bantuan ICT di sekolah	78	3,680	3,680

Aktiviti 4 : Lembaga Peperiksaan Malaysia

Objektif – Mendokong wawasan untuk membangunkan sistem peperiksaan dan penilaian yang canggih serta pentaksiran bestari dan menggunakan teknologi mutakhir berkebolehan menghasilkan keputusan yang mempunyai kesahihan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi mendapatkan pengiktirafan global.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. instrumen pentaksiran dibina dan dikeluarkan	258	258	258
Bil. instrumen pentaksiran diterbitkan dan diedarkan	25,657,238	26,170,383	26,693,791
Bil. pentaksiran diuruskan dan dikendalikan	17,608	17,960	18,319

Aktiviti 5 : Buku Teks

Objektif – (a) Menguruskan pemerolehan pakej buku teks KBSR/KBSM serta bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang lain bagi kegunaan murid di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara yang dilaksanakan melalui sebut harga, tender dan rundingan terus. Mengawal harga serta mengawal mutu fizikal buku bagi memastikan bahan yang dihasilkan berkualiti; (b) Menguruskan bantuan buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) kepada semua murid warganegara Malaysia dan dibekalkan ke sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan serta sekolah agama rakyat di seluruh negara; (c) Memastikan pembekalan buku teks di pasaran terbuka mencukupi; (d) Memastikan penggunaan buku teks secara optimum di kalangan guru dan murid; dan (e) Melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan buku teks dan bahan pengajaran dan pembelajaran yang lain.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. penghasilan dan penerbitan buku teks	57	82	44
Bil. naskah dipesan di bawah pelaksanaan program SPBT	17,479,000	18,000,000	20,000,000
Bil. penyelidikan & pembangunan buku teks	22	30	27
Bil. kursus pengurusan & perkhidmatan sokongan	23	17	17

Aktiviti 6 : Urusetia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Objektif – (a) Menasihati kerajaan dalam perkara dasar dan peraturan industri buku serta pembangunan buku khususnya penerbitan bercetak dan penerbitan elektronik dalam Bahasa Melayu; (b) Menjalankan usaha memupuk dan menggalakkan minat membaca di kalangan rakyat Malaysia seperti yang termaktub dalam matlamat Dasar Buku Negara serta pembinaan modal insan yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 – 2010 dan Misi Nasional; (c) Menggalakkan pembentukan norma dan mengadakan kod etika industri buku untuk meningkatkan profesionalisme serta persaingan yang sihat dan adil dengan mengadakan institusi dan peraturan *self-regulation* untuk industri buku; (d) Menjalankan kegiatan bimbingan ke arah meningkatkan profesionalisme dalam bidang kepengarangan, penerbitan, pengeluaran dan pemasaran buku bercetak dan buku elektronik; (e) Menjalankan kajian dan penyelidikan tentang pelbagai aspek penerbitan, pengeluaran dan pemasaran industri buku; (f) Menjadi pusat maklumat industri buku dengan menubuhkan pangkalan data elektronik dan portal laman sesawang (*website*) industri buku; (g) Membantu penerbitan buku-buku yang dianggap tiada daya maju dari segi komersial tetapi penting bagi pembangunan ilmu pengetahuan; (h) Memudahkan perundingan antara kerajaan dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan industri buku dan menjadi forum bagi mana-mana pihak yang berkepentingan dalam industri buku; (i) Menubuhkan pusat pendaftaran penerbit dan pusat pendaftaran hak cipta; (j) Menggalakkan penyertaan industri buku negara dalam kegiatan pembangunan dan promosi buku di peringkat nasional dan antarabangsa, termasuk yang berkaitan dengan urusan hak cipta; (k) Bekerjasama dengan pihak penerbit dalam usaha memperbanyakkan penerbitan bahan bercetak dan elektronik bagi kegunaan pendidikan dan pengembangan ilmu pengetahuan; dan (l) Menggalakkan perkembangan industri buku di Malaysia melalui program dan aktiviti pemasaran dan lain-lain yang dirancang selaras dengan Misi Nasional dan matlamat Wawasan 2020.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. perancangan/penggubalan/perangkaan/kajian ke atas dasar dan peraturan industri buku	-	17	20
Bil. program membaca/penyelarasan/pemantauan/kajian/khidmat nasihat	-	16	16
Bil. penerbitan dan promosi buku	-	19	27
Bil. latihan perbukuan dan pengurusan maklumat	-	18	18

PROGRAM 3 : OPERASI PENDIDIKAN

Objektif – Memastikan Sistem Pendidikan diurus dengan cekap, berkesan dan sistematik untuk memberi sumbangan kepada pembangunan sumber tenaga manusia selaras dengan perkembangan kemajuan negara.

Aktiviti 1 : Pengurusan Operasi Pendidikan

Objektif – Mengurus dan menyelaras semua aktiviti pendidikan awal kanak-kanak, prasekolah, rendah, menengah dan asrama untuk memastikan kejayaan pelaksanaan program dan dasar pendidikan; dan (b) Memastikan pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan pendidikan yang dikendalikan oleh semua pusat pendidikan awal kanak-kanak KPM, prasekolah, rendah dan menengah mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. penempatan guru Rendah	8,227	12,000	9,000
Bil. penempatan guru Menengah	8,704	10,000	9,000
Bil. pertukaran guru antara negeri (Rendah)	6,395	7,000	6,500
Bil. pertukaran guru antara negeri (Menengah)	5,495	7,000	5,500
Bil. mesyuarat yang diselaraskan	466	466	466

Aktiviti 2 : Pendidikan Pra-Sekolah

Objektif – Menyediakan pengalaman pembelajaran kepada murid-murid yang berumur antara 4 hingga 6 tahun bagi menyuburkan potensi mereka dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. menguruskan mesyuarat/taklimat/kursus/ seminar/bengkel pemantapan pengurusan prasekolah kepada pentadbir	42	44	49
Bil. kelas yang diberikan kemudahan P&P prasekolah	4,768	8,389	5,557
Bil. murid yang menerima peruntukan bantuan makanan mengikut senarai yang ditetapkan	106,731	148,474	138,402
Bil. murid yang menerima peruntukan perkapita	106,731	148,474	138,402
Bil. aktiviti prasekolah	201	279	263

Aktiviti 3 : Pendidikan Rendah

Objektif – Menyediakan pendidikan asas kepada kanak-kanak dalam tempoh 5 hingga 7 tahun supaya dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira bagi kelengkapan diri untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat menengah, juga untuk menjadikan mereka

warga negara yang berpengetahuan, berdisiplin, bertanggungjawab dan berdikari selaras dengan dasar pendidikan negara.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. murid sekolah rendah yang menerima P&P*	1,260,023	1,423,293	1,279,361
Bil. murid tahap 2 yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum	479,185	726,855	630,558
Bil. guru ganti di sekolah	4,830	5,428	4,027
Bil. guru terlatih di sekolah	80,831	105,688	88,273
Bil. sekolah yang diselenggara	2,231	3,947	2,852

* P&P - Pengajaran dan Pembelajaran

Aktiviti 4 : Pendidikan Menengah

Objektif – Menyediakan kemudahan pendidikan kepada murid-murid dari tingkatan peralihan hingga ke tingkatan enam (atas) dalam lingkungan umur 12 hingga 20 tahun meliputi aspek kurikulum dan kokurikulum untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan matlamat falsafah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. guru terlatih di sekolah	3,444	4,469	4,988
Bil. murid di sekolah menengah	1,279,178	1,663,537	1,397,248
Bil. sekolah yang diselenggara	938	1,159	801
Bil. guru ganti di sekolah	5,482	6,251	5,848
Bil. murid yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum	1,141,958	1,550,543	1,397,248

Aktiviti 5 : Asrama

Objektif – Menyediakan kemudahan tempat tinggal yang kondusif dan makanan yang seimbang kepada semua penghuni yang terdiri daripada murid-murid miskin, rumah jauh dari sekolah, sukar mendapat pengangkutan dan menghadapi ancaman keselamatan supaya mereka dapat meneruskan persekolahan dengan sempurna selaras dengan Akta Pendidikan 1996.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. asrama	527	534	432
Bil. asrama yang dibaikpulih	379	390	355
Bil. penghuni asrama	107,686	119,420	99,080
Bil. harta modal yang dibekalkan	33,501	55,333	96,950
Bil. murid yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum	25,544	24,620	15,540

Aktiviti 6 : Pengurusan Pentadbiran Negeri-Negeri

Objektif – Meningkatkan tahap pengurusan profesional khidmat sokongan di Jabatan, PPD/PPG, PPDK dan sekolah dalam aspek pengurusan pentadbiran kewangan,

pembangunan, rekod, keselamatan, kebersihan, kurikulum, kokurikulum dan persekitaran selaras dengan peraturan-peraturan pentadbiran dan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. baucar bayaran yang diuruskan	421,784	596,800	383,600
Bil. akaun sekolah yang dipantau	1,890	2,342	2,348
Bil. buku rekod perkhidmatan yang dikemaskini	176,962	163,226	183,517
Bil. bengkel/kursus yang dijalankan	1,988	2,187	1,968
Bil. kursus kejurulatihan (TOT) diadakan	65	82	76

Aktiviti 7 : Pendidikan Islam

Objektif– (a) Meningkatkan kualiti Pendidikan Islam yang berkesan untuk melahirkan murid-murid yang berilmu, beriman, beramal dan berakhlak mulia bagi memebangunkan masyarakat dan negara; (b) Meningkatkan kualiti Bahasa Arab yang berkesan untuk membolehkan murid berkomunikasi dengan baik dan mendalami pelbagai sumber ilmu; (c) Meningkatkan kualiti pengurusan penempatan dan pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan cekap dan strategik supaya perkhidmatannya dapat menyumbang ke arah keberkesanan Pendidikan Islam; (d) Meningkatkan kualiti kemahiran dan keterampilan guru bahasa arab secara berterusan dalam pelbagai bidang supaya pengajaran dan pembelajarannya sentiasa menarik dan berkesan; (e) Meningkatkan kualiti perkhidmatan sistem maklumat Pendidikan Islam yang telus dan tepat untuk mengetahui tahap prestasi pencapaian program dan pembinaan perancangan yang lebih berkesan; (f) Meningkatkan kualiti hubungan dan kerjasama antara BPI dan masyarakat, Jabatan dan agensi dalam dan luar negeri secara permuafakatan supaya semua program dapat dilaksanakan dengan lebih mudah, cepat dan berkesan; (g) Meningkatkan kualiti dan prestasi kecemerlangan IPA KPM sebagai model sistem pendidikan kebangsaan untuk melahirkan murid yang berkeupayaan mengamalkan cara hidup yang berteraskan Islam dalam pembangunan diri, masyarakat dan negara; (h) Meningkatkan kualiti dan kecemerlangan IPA KPM bagi membolehkannya berperanan membentuk dan melahirkan modal insan yang cemerlang dan mampu mengamalkan cara hidup yang berteraskan Islam dalam kehidupan; dan (i) Meningkatkan kualiti dakwah, penghayatan Islam dan nilai-nilai murni secara berhikmah di kalangan pegawai, guru, kakitangan pendidikan dan murid untuk membantu keberkesanan Pendidikan Islam.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. laporan penempatan dan pertukaran GPI*	4	4	4
Bil. penyelenggaraan & pembaikan SABK*	154	-	-
Bil. program di bawah operasi dakwah	4,361	5,399	5,399
Bil. kursus yang dilaksanakan	161	94	94
Bil. mesyuarat yang dilaksanakan	24	18	18

* GPI – Guru Pengajian Islam

* SABK – Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

Aktiviti 8 : Pendidikan Teknikal

Objektif – (a) Melahirkan pelajar yang mengikuti tiga aliran pendidikan iaitu teknikal, vokasional dan kemahiran bagi menyediakan keperluan tenaga kerja profesional, sub profesional dan pekerja mahir relevan dengan pembangunan ekonomi semasa negara; (b) Menghasilkan rancangan jangka panjang dan jangka pendek pendidikan teknik dan vokasional; (c) Menyediakan prasarana pendidikan teknik dan vokasional yang menyeluruh, bersepadu dan berkualiti; (d) Melaksanakan program-program bagi meningkatkan prestasi pengajaran guru dan pencapaian akademik murid; (e) Melaksanakan program pembangunan kejurulatihan guru PTV dan staf BPTV bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan tahap profesionalisme mereka; dan (f) Mengurus pengoperasian Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Sekolah Menengah Teknik/Vokasional.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. pelajar pendidikan teknik & vokasional	46,300	46,300	46,300
Bil. tenaga pengajar	8,136	8,560	8,560
Bil. laporan kajian/TOR/pemantauan	25	25	25
Bil. kursus yang dilaksanakan	28	30	30
Bil. mesyuarat/pemantauan/laporan bagi program pembangunan kakitangan	36	44	44

Aktiviti 9 : Pendidikan Khas

Objektif – Menyediakan peluang dan kemudahan pendidikan bagi murid berkeperluan khas dan murid pemulihan khas supaya mereka menjadi warganegara yang mampu berdikari dan dapat menyumbang khidmat bantu kepada masyarakat dan negara.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. laporan prestasi perbelanjaan kewangan	32	32	32
Bil. murid berkeperluan khas	17,000	24,400	30,000
Bil. laporan pemantauan keberkesanan P&P di sekolah	50	50	40
Bil. kursus/latihan yang dianjurkan	81	90	95
Bil. mencetak dan mengedarkan buku teks braille	3,960	4,000	4,500

Aktiviti 10 : Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Kluster

Objektif – Mengurus dan menyelaras semua aktiviti pendidikan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) untuk memastikan kejayaan pelaksanaan program dan dapat melonjak kecemerlangan Sekolah Kluster dan Kebitaraan (*Niche Areas*) serta membantu melonjatkan sekolah yang sekelompok dengannya untuk menyerlahkan watak sekolah bagi mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. pelajar SBP	33,771	34,521	36,021
Bil. sekolah yang memperoleh keputusan 80% ke atas calon mendapat Gred A bagi semua mata pelajaran yang diambil (PMR)	5	10	15
Bil. calon yang mendapat Gred A bagi semua mata pelajaran yang diambil (SPM)	1,466	1,713	1,750

Aktiviti 11 : Sukan, Seni Dan Ko-kurikulum

Objektif – (i) Pengurusan Sukan (Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum):

(a) Merancang program pembangunan sukan sekolah bagi melahirkan murid yang sihat dan cergas; (b) Merancang program pembangunan sukan berprestasi tinggi di sekolah supaya berjaya dan cemerlang dalam pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; (c) Merancang penyediaan kemudahan dan prasarana sukan yang berkualiti bagi program pembangunan sukan sekolah; (d) Mengurus program pembangunan sukan sekolah melalui program “Sukan Untuk Semua” dan “Sukan Untuk Kecemerlangan” bagi melahirkan masyarakat yang berbudaya sukan dan mewujudkan integrasi nasional; (e) Menyediakan program latihan profesional kepada guru-guru sukan sejajar dengan perkembangan sukan di peringkat antarabangsa; dan (f) Memantau program pembangunan sukan sekolah bagi melahirkan murid yang cemerlang dalam pertandingan di peringkat pembangunan sukan di sekolah sejajar dengan piawaian pencapaian sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. **(ii) Pen gurusan Kesenian (B ahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum):**

(a) Merancang program pendidikan kesenian bagi melahirkan murid mengamalkan budaya warisan bangsa; (b) Merancang program pendidikan kesenian di sekolah supaya mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; (c) Merancang penyediaan kemudahan dan prasarana pendidikan kesenian yang berkualiti bagi menjamin kesempurnaan dan keberkesanan pelaksanaan pendidikan kesenian; (d) Mengurus program pendidikan kesenian selaras dengan Dasar Kesenian Negara bagi melahirkan masyarakat yang berbudaya seni dan mewujudkan integrasi nasional; (e) Menyediakan program latihan profesional kepada guru-guru seni sejajar dengan perkembangan kesenian di peringkat antarabangsa; dan (f) Memantau pelaksanaan program pendidikan kesenian bagi memastikan objektif dan matlamat tercapai.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. peningkatan pelajar menyertai sukan premier	7,000	6,300	7,000
Bil. peningkatan penyertaan pelajar dalam program bola sepak dan bola jaring sepanjang tahun	20,000	20,000	22,000
Bil. peningkatan penggunaan alatan sukan di sekolah sukan daerah	60,000	60,000	66,000
Bil. penyertaan pelajar dalam pertandingan MSSM di peringkat kebangsaan	220,000	220,000	242,000
Bil. peningkatan atlet dalam pertandingan antarabangsa/mewakili negara dari sekolah sukan/latihan pusat	50	55	61

Aktiviti 12 : Pendidikan Swasta

Objektif – (a) Memastikan dasar perancangan dan hala tuju pendidikan swasta selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, Rancangan Lima Tahun Malaysia, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Wawasan Negara; (b) Memastikan semua pengurusan penubuhan dan pendaftaran institusi pendidikan swasta mematuhi peruntukan perundangan dan syarat yang ditetapkan di bawahnya; (c) Menentukan pelaksanaan sistem penguatkuasaan dan pengawal seliaan yang cekap di bawahnya; (d) Memastikan infrastruktur serta prasarana di IPS berkualiti dan mematuhi piawaian yang ditetapkan bagi menghasilkan pendidikan yang cemerlang; dan (e) Menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang menawarkan pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. mesyuarat/taklimat/bengkel yang dikendalikan	150	155	160
Bil. lawatan pemeriksaan, penyeliaan, pengawal seliaan dan kawalan standard pendidikan	333	300	350
Bil. dokumen yang diterbitkan	4	5	6
Bil. pameran pendidikan yang dijalankan	19	31	35

PROGRAM 4 : PEMBANGUNAN PROFESIONALISME KEGURUAN

Objektif – Memastikan perancangan, pengurusan, penilaian dan pemantauan dasar berkaitan dengan kualiti pengurusan dan kepimpinan guru dilaksanakan berdasarkan perancangan yang strategik.

Aktiviti 1 : Pengurusan Pembangunan Profesionalisme Keguruan

Objektif – (a) Meningkatkan profesionalisme guru terlatih prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, Institusi Pendidikan Swasta dan agensi luar Kementerian Pelajaran mengikut keperluan pengajaran dan pembelajaran semasa melalui *Program Continuous Professional Development (CPD)* ; (b) Meningkatkan amalan nilai profesionalisme, pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pegawai perkhidmatan pendidikan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, TMK, penyelidikan dan inovasi, kurikulum, kokurikulum, pentaksiran, pembangunan staf dan kompetensi menerusi profesionalisme yang terancang dan komprehensif; (c) Meningkatkan kualiti program latihan dalam perkhidmatan guru dengan menggunakan piawaian ISO dalam proses perancangan dan penggubalan dasar, pengambilan kurikulum, kokurikulum, penyelidikan dan inovasi, penilaian dan pentaksiran serta pembentukan sahsiah guru selaras dengan keperluan pendidikan negara; (d) Meningkatkan keberkesanan pengurusan maklumat, kewangan, personel dan pentadbiran dengan menambah dan meningkatkan tahap kemudahan dan permodenan prasarana fizikal serta teknologi maklumat dan komunikasi di BPG supaya pengurusan dan latihan dalam perkhidmatan guru dapat dilaksanakan seperti yang dirancang; (e) Melaksanakan program khas bagi peserta kursus dalam dan luar negara selaras dengan hasrat dan wawasan negara; dan (f) Meningkatkan integriti dan akauntabiliti dalam kalangan pegawai perkhidmatan pendidikan.

PRESTASI AKTIVITI

Output 2	008 (Sebenar)	2009 (Anggaran)	2010 (Anggaran)
Bil. pengambilan pensyarah baru	700	300	100
Bil. latihan peningkatan profesionalisme – pensyarah baru	100	100	100
Bil. latihan peningkatan profesionalisme – SPK	25,000	25,000	25,000
Bil. latihan kakitangan sumber KDP 8M Latihan Guru Bestari	5,400	5,400	5,400
Bil. Pensiswazahan Guru (SR)	4,000	8,000	8,000

Aktiviti 2 : Latihan Dalam Perkhidmatan

